



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



E-BULETIN

EDISI JULAI - DISEMBER
2023



PROGRAM BANTU BERSAMA

Program ini telah dianjurkan oleh Yayasan Maghfirah di Bilik Operasi, Taman Kajang Raya, Selangor. Politeknik Nilai adalah rakan kolaborasi yang sentiasa menyokong dan terlibat secara langsung dengan aktiviti-aktiviti khidmat masyarakat yang dianjurkan oleh Yayasan Maghfirah. Seramai 4 orang pensyarah dan 3 orang pelajar Politeknik Nilai telah menyertai aktiviti pembungkusan cenderahati untuk peserta ibadah korban pada Hari Raya Aidiladha yang lepas.



KEJOHANAN SOFBOL TERBUKA KEBANGSAAN 2023

Tahniah dan syabas buat Pasukan Politeknik Malaysia berjaya menduduki tempat **KETIGA** bagi kedua-dua kategori Lelaki dan Wanita bagi kejohanan sofbal yang bertempat di Padang Lapangan Terbang Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan, Pahang



PERASMIAN *VINEYARD EDUGARDEN @PNS* JABATAN AGROTEKNOLOGI DAN BIO-INDUSTRI

Vineyard EduGarden@PNS adalah salah satu projek yang dibangunkan di tapak *EduGarden* Politeknik Nilai. Projek ini diusahakan oleh pelajar dan pensyarah Diploma Hortikultur Landskap (DLH), Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri (JAB) diketuai oleh En. Mohd Ashraf bin Ngah dan dibantu oleh pensyarah DLH.

Objektif utama projek ini adalah untuk memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi memupuk minat keusahawanan dan juga sebagai Pusat Pembangunan dan Penyelidikan.

Anggur spesis Jupiter dipilih berdasarkan kriteria kawasan tanah rendah dan kering. Projek ini berpotensi untuk dikembangkan dengan pelbagai jenis spesis yang lain di masa akan datang.

Vineyard Edugarden@PNS telah dirasmikan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Khaled bin Nordin bersama YBhg. Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pendidikan Tinggi, YBrs. Dr. Haji Mohd Zahari bin Ismail, Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti dan YBrs. Encik Tony Azman bin Hassan, Ketua Penolong Setiausaha (Perancangan Strategik), KPT.



MYPOLYCC SPORTS CARNIVAL 2023 BANGUNKAN BAKAT DAN POTENSI SUKAN PELAJAR



Bagi menyokong dasar Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) terhadap Pembangunan Sukan IPT, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) melalui Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar (BAPP) mengambil inisiatif dengan menganjurkan acara *MyPolyCC Sports Carnival 2023*.

Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pendidikan Tinggi ketika hadir menyempurnakan majlis penutup di Dewan Sri Putra, Politeknik Nilai berkata penganjuran dan karnival sukan adalah bukti jelas bahawa sektor pendidikan tinggi Negara adalah sektor yang seimbang. Penganjuran sukan ini yang berlangsung sejak 23 Julai lalu telah menyaksikan POLYCC Zon Kelantan dan Terengganu dinobatkan sebagai Juara Keseluruhan.



BENGKEL PEMERKASAAN RELASIS SIRI 1 TAHUN 2023

Bahagian Pembangunan Pasukan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) telah mengadakan bengkel tersebut di Hotel Sri Malaysia, Kuala Terengganu, Terengganu. Bengkel ini bertujuan menyelaraskan aktiviti-aktiviti RELASIS termasuk di politeknik. Seramai 3 orang Sekretariat RELASIS, Politeknik Malaysia telah menghadiri bengkel ini, mereka adalah PPjR (Bersekutu) Kamarul Ariffin bin Abd Rashid, PPjR (Bersekutu) Norfazila binti Ahmad dan PgR (Bersekutu) Mohd Hanapi bin Jusoh.



ARTLIVE CHALLENGE CUP 2023 AMPUTEE FOOTBALL



Muhammad Danish Danial bin Hairi, pelajar DLS1B Jabatan Perdagangan telah berjaya membawa pasukan Negara merangkul tempat **KETIGA** dalam *Artlive Challenge Cup 2023 Amputee Football* dalam pasukan Malaysia *under 23* untuk kejohanan 3 Negara pada 19 - 24 Julai di EV Arena, Shah Alam. Tahniah dan syabas diucapkan buat Muhammad Danish Danial.

BENGKEL PENULISAN E-BUKU : MEMPERKASA PEMBELAJARAN MELALUI TEKNOLOGI BERSAMA PESERTA SKT EBOOK 2023



Unit Teknologi Pendidikan dan Multimedia (UPTM) dengan kerjasama Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL) telah mengadakan Bengkel Penulisan *e-Book* bagi peserta *SKT eBook 2023* bersama-sama jawatankuasa ePembelajaran. Penyertaan terbuka kepada semua warga Politeknik Nilai dan kehadiran adalah wajib bagi peserta *SKT eBook 2023* Politeknik Nilai. Perkongsian telah disampaikan oleh Puan Nur Assyakirin binti Mohamed Paid dan dibantu oleh Puan Zauyah binti Azman.



KURSUS ASAS APLIKASI IOT 2.0

Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) telah berjaya mengadakan Kursus Asas Aplikasi IOT 2.0 bagi pensyarah Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Nilai. Perbezaan kursus ini ialah pada praktikalnya di mana pensyarah akan diajar pemasangan dan '*troubleshoot*' komponen-komponen yang terlibat di dalam perkakasan elektrik dan elektronik yang melibatkan IoT.

Modul ini dibangunkan khusus untuk pensyarah/guru/pelajar universiti dan sesiapa sahaja yang ingin pengalaman baru dalam membangunkan projek IoT ringkas. Melalui asas ini, peserta boleh menyelami bidang ini dengan lebih mendalam. Terima kasih pada PSH Politeknik Nilai serta penceramah En. Mohd Taufik Rezza bin Mohd Foudzi serta para peserta yang terlibat.

Semoga ianya boleh memberi impak kepada inovasi dalam tugas dan penyampaian idea kepada projek pelajar akan datang.



KARNIVAL PENDIDIKAN KERJAYA MURID PERINGKAT NEGERI SEMBILAN @SUKSES 2.0

Majlis Penutup telah berlangsung di Dewan Sri Putra, Politeknik Nilai dan telah dirasmikan oleh Timbalan Pengarah, Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, Tuan Haji Aminuddin bin Kamisan. Dalam ucapannya, beliau berkata bahawa “karnival ini dijadikan platform untuk menyediakan peluang kepada murid supaya boleh mengamalkan budaya ilmu, berfikir, bekerjasama dan sayang menyayangi selari dengan saranan KPM untuk menggalakkan Pengaplikasian Pembelajaran Abad ke – 21.

Adalah menjadi harapan agar program ini akan memotivasikan dan mendidik para pelajar untuk mendapatkan maklumat tepat dan terkini mengenai peluang pendidikan tinggi di Malaysia. Ia akan mampu meningkatkan impian pelajar *sukses* ke menara gading @ institusi pendidikan lanjutan melalui pelbagai cara, antaranya melalui *Sukses 2.0* yang menjadi Pusat Sehenti (*One-Stop Centre*) bermaklumat kepada kumpulan sasaran seperti murid, ibu bapa, guru dan komuniti setempat untuk mendapatkan maklumat tepat dan terkini mengenai peluang pendidikan tinggi.” kata aminuddin ketika merasmikan majlis penutup *Sukses 2.0*.



MAJLIS PENYERAHAN WRIT WATIKAH PELANTIKAN PEGAWAI PENGURUS PRU DUN KE-15

Majlis Penyerahan Writ Watikah Pelantikan Pegawai Pengurus PRU DUN ke-15 oleh Dato' Rozitta binti Sulaiman, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) kepada 36 orang Pegawai Pengurus. Politeknik Nilai dan Politeknik Port Dickson merupakan Pejabat Pegawai Pengurus untuk PRU DUN ke-15.



DELEGASI POLITEKNIK NEGERI MEDAN INDONESIA

Pengisian lawatan oleh POLMED kali ini adalah berpusat di Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri (JAB). Delegasi telah melawat persekitaran JAB yang merangkumi Rumah Anggur dan Makmal Mikrobiologi di samping sesi pengkayaan ilmu berupa taklimat ringkas dalam kunjungan singkat dua jam yang penuh bermakna ini. Jutaan terima kasih buat semua delegasi Politeknik Negeri Medan atas kesudian hadir dan berkunjung ke Politeknik Nilai. Ucapan terima kasih juga buat Tuan Pengarah dan Barisan Pengurusan Politeknik Nilai, Ketua-Ketua Program dan para Pensyarah serta Unit Pengantarabangsaan Politeknik Nilai atas komitmen dalam memastikan kelestarian kolaborasi aktif kedua-dua institusi.




KURSUS PSH: KURSUS PEMBANGUNAN LAMAN WEB

Kursus ini telah disampaikan oleh Pn. Atiqah binti Mohamad Sani, Jabatan Perdagangan. Kursus ini diadakan bertujuan untuk memberikan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan asas bagi pembangunan laman web.



Objektif kursus ini dijalankan bagi meningkatkan pengetahuan asas tentang teknik membangunkan Laman Web serta meningkatkan kemahiran dengan mempraktikkan teori pembangunan laman web secara praktikal (*hand-on*)




MAJLIS PERHIMPUNAN STAF POLITEKNIK NILAI

BIL. 3/2023

Majlis Perhimpunan Staf Politeknik Nilai Bil. 3/2023 telah diadakan di Dewan Kuliah Utama, Politeknik Nilai. Majlis ini telah dihostkan oleh Jabatan Pengajian Am (JPA). Majlis telah dimulakan dengan ucapan mukadimah dan ekspresi penghargaan Tuan Pengarah kepada staf Politeknik Nilai seterusnya beliau mengucapkan terima kasih di atas kejayaan dalam pelaksanaan program-program berimpak tinggi, pencapaian-pencapaian staf dan pelajar dalam pelbagai bidang, ucapan selamat datang kepada staf baharu mendaftar di Politeknik Nilai serta ucapan penghargaan kepada staf yang telah keluar berpindah.

Majlis juga diserikan dengan taklimat berinformasi tentang zakat pendapatan oleh pegawai Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) Cawangan Nilai. Majlis bersambung dengan Mesyuarat Agung Khas Kelab Kebajikan dan Rekreasi Kakitangan (KKRK), Politeknik Nilai yang dipengerusikan oleh En. Ahmad Shauqi bin Abu Kashim, Pengerusi KKRK.



LAWATAN PENANDAARASAN JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL

Lawatan Penandaarasan Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) ke utara telah berlangsung selama 3 hari. Lawatan Penandaarasan berkenaan telah disertai oleh seramai 17 orang pensyarah Politeknik Nilai dengan diketuai oleh Ketua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Ts. Khairul Nizam bin Kamarudin. Program lawatan ini telah dilaksanakan di Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanikal, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Pulau Pinang, Japan Malaysia Technical Institute (JMTI), Pulau Pinang serta Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM), Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB), Kulim, Kedah. Rombongan juga turut melawat Penang Digital Library Phase 1 dan Phase 2. Banyak info yang bermanfaat dan perkongsian amalan baik yang dapat diambil hasil lawatan ini dan boleh diterapkan untuk memantapkan program Mekanikal dan Mekatronik di Politeknik Nilai.



BENGKEL PENAMBAHBAIKAN PROSEDUR KUALITI PNS-PA-04 (PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN)

Unit Kualiti, Pusat Pengurusan Strategik (PPS) telah melaksanakan Bengkel Penambahbaikan Prosedur Kualiti PNS-PA-04 (Proses Pengajaran dan Pembelajaran) secara virtual iaitu dalam talian dan bersemuka. Bengkel ini melibatkan Pusat Pengurusan Strategik (PPS), pemegang proses PNS-PA-04 serta semua penyelaras dan JK Kualiti Jabatan.

Objektif bengkel ini dilaksanakan adalah untuk membincangkan penambahbaikan proses PdP sama ada melibatkan prosedur dan proses teknikal.



PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP)

Program Khidmat Masyarakat Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bersama pelajar Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri (JAB) untuk menanam pokok dan membangunkan hub pembelajaran (*Edu Garden*) ke arah Pensijilan *Ranking UI Green Metric 2023*. Program ini diadakan seiring dengan hasrat Politeknik Nilai dalam membangunkan kampus hijau di samping memupuk sifat keperihatinan pelajar-pelajar terhadap alam sekitar.



KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL NEGERI SEMBILAN

Pengarah Politeknik Nilai telah menerima kunjungan hormat daripada Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Sembilan, Pn. Salasiah binti Hashim. Kunjungan ini bertujuan untuk membincangkan pelaksanaan Program Diskusi Perpaduan 'Chit Chat Belia tahun 2023' Peringkat Negeri Sembilan. Perbincangan yang diadakan di Bilik Hibiscus, Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL) ini telah melibatkan kedua belah pihak yang banyak berkongsi idea terutama tentang perpaduan di kalangan belia masa kini.



PROGRAM *SPECIAL TRAINING FOR YOUNG LEADERS* (STYLE) 2023

Politeknik Nilai telah menghantar seorang wakil ahli Pembimbing Rakan Siswa (PRS) untuk menyertai Program *Special Training For Young Leaders* (STYLE) 2023 bertempat di Tasik Kenyir, Terengganu. Program ini melibatkan peserta daripada seluruh Politeknik dan Kolej Komuniti. Pelbagai aktiviti yang menarik telah diadakan seperti ujian *water-confident*, berkayak, lawatan ke Taman Herba serta mencuba air herba seperti Kacip Fatimah dan Tongkat Ali, berkhemah, melawat Santuari Kelah dan akhir sekali mendaki untuk ke Air Terjun yang berdekatan dengan tapak perkhemahan.



SALAM PERPISAHAN DAN SELAMAT MAJU JAYA

Salam perpisahan dan Selamat Maju Jaya kepada Pn. Jasmine binti Jamaludin, pensyarah Jabatan Pengajian Am (JPA) yang telah bertukar pindah ke Politeknik METrO Kuala Lumpur (PMKL) berkuat kuasa pada 3 Julai 2023.



Salam perpisahan dan Selamat Maju Jaya kepada Pn. Samsiah binti Sha'aban, pensyarah Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) yang telah bertukar pindah ke Politeknik Seberang Perai (PSP) berkuat kuasa pada 3 Julai 2023.

TAHNIAH DAN SYABAS DI ATAS PELANTIKAN SEBAGAI KETUA JABATAN

Ucapan Sekalung Tahniah kepada Ts. Khairul Nizam bin Kamarudin di atas pelantikan sebagai Ketua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Nilai berkuat kuasa pada 1 Jun 2023.



Ucapan Sekalung Tahniah kepada Pn. Azua Hanim binti Mohd Said di atas pelantikan sebagai Ketua Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK), Politeknik Nilai berkuat kuasa pada 1 Jun 2023.

TAHNAH DAN SYABAS

Politeknik Nilai mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Di Pertua Majlis Perwakilan Pelajar (YDP MPP), Muhammad Danial bin Nor Azman di atas pelantikan sebagai Exco Pengurusan Acara, Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik Kebangsaan (MPPPK).



INTERNATIONAL INNOVATION AND INVENTION COMPETITION THROUGH EXHIBITION 2023 (ICOMPEX23)

Sebanyak 9 kelas inovasi telah dipertandingkan dengan penyertaan sebanyak 332 kumpulan yang terdiri daripada Politeknik, Kolej Komuniti, IPTA, Kolej/IPTS, Sekolah, Agensi Syarikat dan Antarabangsa bertempat di Dewan Sri Mas, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS).

Politeknik Nilai diwakili oleh pensyarah daripada Jabatan Perdagangan iaitu Pn. Jerina binti Ibrahim dan Pn. Nor Haziah binti Hussin bagi kategori H (*teaching and learning*) telah berjaya mendapat pingat **EMAS**. Tahniah dan syabas diucapkan.

**öorang yang ikhlas
adalah orang yang
menyembunyikan
perbuatan baiknya
sebagaimana
menyembunyikan
perbuatan
jahatnya**


IBNU AL-QAYYIM

PROGRAM PROMOSI POLITEKNIK NILAI SEMPENA PAMERAN PENDIDIKAN DAN KERJAYA TAHUN 2023

Politeknik Nilai terlibat sebagai pempamer dalam mempromosikan program pengajian di Politeknik Nilai bagi memenuhi norma ambilan Sesi I dan Sesi II: 2023/2024 yang diadakan di Dewan Redza, SMK Dato' Haji Mohd Redza, Sikamat, Seremban. Politeknik Nilai telah diwakili oleh Pn. Nurul Shafiqah binti Sulaiman dan Pn. Nor Suria Hazni binti Che Husain, Jabatan Hal Ehwal Pelajar.



Dewan Redza, SMK Dato' Haji Mohd Redza, Sikamat, Seremban



Dewan Ungku Aziz, SMK Seremban 2



Politeknik Nilai melalui Jabatan Hal Ehwal Pelajar telah terlibat sebagai pempamer dalam mempromosikan program pengajian di Politeknik Nilai bagi memenuhi norma ambilan Sesi I dan Sesi II: 2023/2024 yang telah diadakan di Dewan Ungku Aziz, SMK Seremban 2. Seramai 4 orang pensyarah dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) telah terlibat dalam program tersebut.



TAHNAH DAN SYABAS

Sekalung tahniah diucapkan kepada Pn. Norshima binti Sha'ari atas anugerah gelaran Teknologis Profesional (TS) dalam bidang Transportation & Logistics Technology (TL) oleh Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) ikhlas daripada pihak Pengurusan dan Warga Politeknik Nilai.



FINAL PITCHING SESSION - SME BANK SANDBOX COMPETITION 2023 IMENARA SME BANK KUALA LUMPUR

5 orang pensyarah dari Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri (JAB) telah menyertai sesi *Final Pitching* bagi *Pertandingan SME Sandbox 2023* di Menara SME Bank, Kuala Lumpur. Pasukan ini diketuai oleh Encik Is Aizat bin Samsuri dan dianggotai oleh Encik Muhammad Naim bin Razali, Encik Mohamad Azlan Yusuff bin Abdul Rahim, Encik Mohamad Hafiz bin Sulaiman dan Puan Farah Najwa binti Ahmad. Projek “*Ecofactor Energy*” telah dipilih sebagai **TOP 20 finalis** bagi kategori terbuka daripada 200 penyertaan dari seluruh Negara. Tahniah. Teruskan usaha cemerlang pada masa akan datang

Menara SME Bank, Kuala Lumpur



KEJOHANAN TAEKWANDO TERBUKA TM/WTF POLITEKNIK NILAI




Kejohanan ini telah diadakan di Dewan Sri Putra, Politeknik Nilai di bawah anjuran Kelab Koryo Nilai. Kejohanan ini mempertandingkan 2 kategori iaitu Kategori Koryugi (Tempur) dan Kategori Sekolah Rendah. Pengarah Politeknik Nilai, Tuan Haji Wan Zulkifly bin Wan Zakaria telah hadir bagi menyokong kejohanan ini, turut bersama Ketua Penganjur Kejohanan En. Mohin. Kelab Koryo Zon Selatan telah memenangi Kategori K8 (10 tahun) dengan menewaskan Kelab Koryo Sepang manakala Kelab Koryo Zon Utara telah berjaya menewaskan Kelab Koryo Ampang bagi Kategori K9 (9 tahun).

BENGKEL PENULISAN ILMIAH PRODUKTIF: UPIK POLITEKNIK NILAI

Objektif bengkel ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pensyarah bagi pengurusan journal dan format penulisan. Ia amat membantu pengurusan journal yang lebih sistematik bagi menghasilkan artikel yang baik. Bengkel ini adalah untuk mencapai KPI 25 kertas penyelidikan bagi tahun 2023.



SIRI 1: BENGKEL MENDELEY DAN FORMATING



SIRI 2: LITERATURE REVIEW AND MENCARI GAP



Bengkel ini memberi pendedahan kepada pensyarah bagi penulisan *literature* serta mencari *gap*. Ia amat membantu dalam penulisan journal yang komprehensif bagi menghasilkan artikel. Bengkel ini adalah untuk mencapai KPI 25 kertas penyelidikan bagi tahun 2023. Bengkel siri ke 2 ini telah disampaikan oleh Dr. Ahmad Razimi bin Mat Lazim, Ketua Unit Penyelidikan Inovasi dan Pengkomersialan (UPIK).



BENGKEL PENULISAN ILMIAH PRODUKTIF: UPIK POLITEKNIK NILAI

Bengkel ini memberi pendedahan berkaitan *Research Method: Teknikal/Sosial Sains* dan telah disampaikan oleh Dr. Nor Rahimy binti Khalid dan Ts. Sures a/l Narayasamy. Bengkel ini adalah untuk mencapai KPI 25 kertas penyelidikan bagi tahun 2023.

SIRI 3: RESEARCH METHOD - TEKNIKAL/SOSIAL SAINS



SIRI 4: DATA INTREPETATION QUALITATIVE / QUANTITATIVE SIRI 5 : DISCUSSION AND CONCLUSION



Bengkel ini memberi pendedahan berkaitan analisis data serta penulisan perbincangan serta kesimpulan . Bengkel ini adalah untuk mencapai KPI 25 kertas penyelidikan bagi tahun 2023. Bengkel ini dikendalikan oleh Dr. Nor Rahimy binti Khalid, Ts. Sures a/l Narayasamy dan Dr. Ahmad Razimi bin Mat Lazim.

Bengkel ini memberi pendedahan berkaitan semakan plagiarism serta panduan penulisan bagi penerbitan dan pembentangan. Bengkel ini adalah untuk mencapai KPI 25 kertas penyelidikan bagi tahun 2023. Penceramah bengkel ini adalah Ts. Dr. Hanida binti Abdullah dan Dr. Hajah Nor Hayati Fatmi binti Talib.

SIRI 6: PLAGIARISM CHECK DAN TURNITIN

SIRI 7: PAPER REVIEW , PUBLICATION AND CONFERENCE



PROGRAM JEJAK IKON USAHAWAN ALUMNI POLITEKNIK NILAI


Program Jejak Alumni Usahawan anjuran Unit Keusahawanan dengan kerjasama Unit Alumni Politeknik Nilai ke Fiqah Agrotech di Lahad Datu, Sabah. Berbekalkan pengalaman praktikal dalam pertanian yang dipelajari semasa menjadi pelajar Politeknik Nilai, graduan ini bermula secara kecil-kecilan di rumah dan selepas memenangi pelbagai pertandingan keusahawanan, beliau berjaya memperoleh Geran Agropreneur Muda berjumlah RM20,000. Melalui geran ini, beliau telah mentransformasikan ladang kecil dengan 100 pokok menjadi 1200 pokok dengan pendapatan hampir RM3000 sebulan. Beliau juga bercita-cita untuk meluaskan kawasan tanaman sedia ada yang mampu memberi impak yang lebih besar kepada komuniti setempat

Fiqah Agrotech di Lahad Datu, Sabah



BENGKEL SKT MICROCREDENTIAL (MC): MEMPERKASA PEMBELAJARAN MELALUI TEKNOLOGI BERSAMA PESERTA MC 2023

Unit Teknologi Pendidikan dan Multimedia (UPTM) dengan kerjasama Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL) telah mengadakan Bengkel *MicroCredential* (MC) bagi peserta SKT MC 2023. Penyertaan terbuka kepada semua warga Politeknik Nilai dan kehadiran adalah wajib bagi peserta SKT MC 2023 Politeknik Nilai. Perkongsian telah disampaikan oleh Pn. Syarlina Syazliza binti Saaid



LAWATAN ILMIAH PROGRAM PEMERKASAAN KEUSAHAWANAN POLITEKNIK NILAI

Unit Keusahawanan, Politeknik Nilai telah mengadakan lawatan ilmiah ke Unit Keusahawanan, Politeknik Kota Kinabalu (PKK) bagi tujuan pemerkasaan keusahawanan. Perkongsian pendapat mengenai kaedah dan strategi bagi mencapai KPI keusahawanan juga telah dibincangkan melalui lawatan ini. Di samping itu, turut diadakan perbincangan awal mengenai perancangan kolaborasi antara Unit Keusahawanan, Politeknik Nilai, Unit Keusahawanan, Politeknik Kota Kinabalu dan syarikat pengeluar madu Apis Mellafera Enterprise bagi memasarkan madu akasia di sekitar Sabah. Turut hadir Pengarah PKK, En. Dullah bin Muluk, Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik), Ts. Saril bin Haji Yusop dan Ketua Unit Keusahawanan PKK, En. Hazatta bin Morshidi serta pegawai-pegawai dari Unit Keusahawanan PKK.

Unit Keusahawanan Politeknik Kota Kinabalu (PKK)



Objektif lawatan ini adalah untuk melihat amalan baik dari segi pentadbiran unit dan pengurusan inkubator keusahawanan yang dapat diadaptasi oleh Unit Keusahawanan, Politeknik Nilai.



PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT (CSR) BERSAMA ANAK-ANAK TAHFIZ PUSAT PENGAJIAN AL-QURAN DAN TAHFIZ AL-FAIZIN TAWAU

Lawatan amal dan kebajikan ini dianjurkan oleh Unit Keusahawanan dengan kerjasama Unit Alumni, Politeknik Nilai. Pusat Pengajian Al-Quran dan Tahfiz Al-Faizin Tawau telah dipilih bukan sahaja peserta lawatan dapat menyantuni dan memberi sumbangan kepada anak-anak tahfiz, malah juga terdapat sesi perkongsian ilmu tentang kaedah pertanian moden oleh Saudari Nur Shafiqah Farahana binti Kaloq, Alumni Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri, Politeknik Nilai (JAB PNS).

Slot taklimat ini termasuk sesi demonstrasi pemasangan *NFT Kit* 15 lubang keluaran syarikat alumni sendiri iaitu Fiqah Agrotech.

Aktiviti bersama anak-anak tahfiz ini secara tidak langsung memberikan nilai tambah untuk mereka dalam mempelajari aspek kemahiran insaniah selain menumpukan bidang hafazan dan agama yang sememangnya penting.



Seorang pelajar Pembimbing Rakan Siswa (PRS), Mira Santika binti Bustami telah mewakili Politeknik Nilai dalam penyertaan Program *Psychosocial* Kesihatan Mental : Realiti vs Persepsi Peringkat Kebangsaan tahun 2023. Program ini melibatkan peserta daripada seluruh Politeknik dan Kolej Komuniti di setiap Negeri.

Pelbagai aktiviti yang menarik telah diadakan seperti melakukan *energizer* bersama urus setia dan rakan - rakan peserta bagi slot *ice - breaking*, slot ceramah daripada doktor pakar psikiatri tentang diagnosis sendiri, melakukan aktiviti *outreach* di Padang Besar dengan menemubual beberapa orang awam berkaitan pengetahuan mereka tentang kesihatan mental serta memberikan pandangan yang sewajarnya kepada orang awam yang meminta pandangan untuk menangani stigma tentang kesihatan mental yang berleluasa dan membuat pembentangan hasil temu bual kepada rakan - rakan.

Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS), Pauh Putra, Arau, Perlis



BENGKEL *TRAINING OF TRAINER* (TOT) KURSUS MPU22042 BAHASA KEBANGSAAN A UNIT PENDIDIKAN ISLAM, JABATAN PENGAJIAN AM

Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am (UPIM JPA) telah mengadakan Bengkel *Training of Trainer* (TOT) MPU23042 Bahasa Kebangsaan A bertempat di Bilik Kuliah 1, Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL). Bengkel ini telah disampaikan oleh En. Mohd Asri bin Abd. Ghani.

Bilik Kuliah 1, Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL)



BENGKEL LMS CIDOS 4.0 JABATAN MATEMATIK, SAINS DAN KOMPUTER (JMSK)

Makmal Komputer, Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL) Politeknik Nilai

Kursus ini dilaksanakan bertujuan memastikan tenaga pengajar JMSK faham dan jelas dengan platform ini. Penganjuran bengkel ini selari dengan keperluan KPI politeknik.



BENGKEL PELAN STRATEGIK PUSAT ISLAM AL-KAUTHAR POLITEKNIK NILAI NEGERI SEMBILAN

Pusat Islam Al-Kauthar Politeknik Nilai Negeri Sembilan telah mengadakan Bengkel Pelan Strategik Pusat Islam Al-Kauthar di Bilik Kuliah, Masjid Sri Sendayan. Bengkel ini diadakan bagi mengemas kini dan meningkatkan kecekapan Pusat Islam Al-Kauthar sebagai institusi pembangunan kerohanian institusi dan komuniti setempat. Bengkel ini telah dirasmikan oleh Tuan Haji Wan Zulkifly bin Wan Zakaria, Pengarah Politeknik Nilai merangkap Penasihat Pusat Islam Al-Kauthar Politeknik Nilai.

Bilik Kuliah, Masjid Sri Sendayan



BENGKEL CQI JABATAN MATEMATIK, SAINS DAN KOMPUTER (JMSK)

Bengkel CQI telah diadakan untuk pensyarah Jabatan Matematik, Sains dan komputer (JMSK) bertujuan untuk memberi kesedaran dan menambah ilmu pensyarah JMSK dalam memastikan kualiti program yang ditawarkan di politeknik sentiasa dipantau dan ditambah baik secara berterusan. Perkongsian telah disampaikan oleh Puan Suhana binti Baharuddin.



BENGKEL MODERASI E-FOLIO BAGI KURSUS - KURSUS UNIT PENDIDIKAN ISLAM, POLITEKNIK NILAI



Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am (UPIM JPA) telah mengadakan Bengkel Moderasi bagi kursus - kursus di bawah Unit Pendidikan Islam (UPIM) iaitu MPU23052 Sains Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam, MPU23042 Nilai Masyarakat, MPU21032 Penghayatan Etika & Peradaban dan MPU23012 Pengajian Islam di Bilik Kuliah 1, Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL). Bengkel ini diadakan sebagai persiapan pengajian bagi Sesi I: 2023/2024 yang akan bermula pada 27 Ogos 2023

PROGRAM KECERIAAN DAN LANDSKAP

Inisiatif untuk menceriakan Landskap Jabatan Pengajian Am (JPA) melalui projek gotong royong merupakan salah satu usaha berterusan warga JPA Politeknik Nilai untuk mengekalkan kecantikan panorama di ruang foyer JPA di samping memberi keselesaan persekitaran kepada warga JPA khususnya. Selain mengukuhkan ikatan silaturrahim, program ini juga dijalankan bagi memupuk sikap bertanggungjawab dan sokongan terhadap Program 'PNS ke arah Kampus Hijau' yang membudayakan kecintaan terhadap persekitaran. Program gotong royong ini melibatkan staf JPA. Antara aktiviti utama yang dijalankan adalah menanam pokok, membaja dan menyiram tumbuhan hiasan



MAJLIS PERPISAHAN JABATAN PENGAJIAN AM



Jabatan Pengajian Am (JPA) telah mengadakan Majlis Perpisahan sempena 2 orang pensyarah Unit Pendidikan Islam (UPIM) yang akan menyambung pengajian ke peringkat Sarjana pada bulan September 2023. Mereka adalah Pn. Nor Wahida binti Dzalihuz'zabir yang akan menyambung di Universiti Malaya (UM) dan Pn. Mastura binti Mamat di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Warga Politeknik Nilai mengucapkan selamat maju jaya.

KURSUS PENGURUSAN JENAZAH TEORI DAN PRAKTIKAL

Kursus ini telah dianjurkan oleh Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) dan PUSPANITA Cawangan KPT. Kursus ini telah diadakan di Auditorium AKEPT dan Politeknik Nilai telah diwakili oleh seramai 20 orang pensyarah/staf. Kursus ini dibuat secara ceramah, teori dan praktikal di mana disampaikan oleh Ustaz Ahmad Taufiq bin Hamdan (Masjid Negeri JHEAINS) dan Ustazah Zihamimah binti Muzlim (JHEAINS Seremban). Kursus ini memberi pengalaman dan pendedahan tentang pengurusan jenazah kepada peserta.

AUDITORIUM AKEPT



PROGRAM LANGKAH SIHAT POLITEKNIK NILAI SIRI 1/2023




Jabatan Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan (JSKK) telah mengadakan Program Langkah Sihat Politeknik Nilai. Antara pengisian program adalah aktiviti zumba dan berjalan kaki, ianya melibatkan semua warga kerja Politeknik Nilai bagi tujuan menggalakkan gaya hidup sihat serta mengeratkan silaturrahim. Program yang dilaksanakan di Padang A dan sekitar Politeknik Nilai ini telah dihadiri oleh Timbalan Pengarah, En. Zainal bin Ab. Rahman dan Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik), En. Shuharzi bin Md Salleh manakala aktiviti Zumba telah dipimpin oleh En. Suhairi bin Husin.

GOTONG ROYONG JAB DAN LANGKAH SIHAT BERSAMA POLITEKNIK NILAI



Program gotong royong ini diadakan bagi menyambut kehadiran pelajar baharu Sesi I: 2023/2024 di samping persediaan menghadapi Audit Sirim dan Audit Luar MBOT. Program ini diketuai oleh ketua Jabatan, LAr. Dr. Fara Diba binti Badrul Hisham. Aktiviti dimulakan seawal pagi bagi sama-sama memberi sokongan kepada Program Langkah Sihat Politeknik Nilai.



KURSUS PEMERKASAAN AKADEMIK ASAS BIMBINGAN KAUNSELING SIRI 1 POLITEKNIK NILAI BAGI SESI I: 2023/2024



Antara pengisian kursus bagi slot 1 adalah Pengenalan SPAk dan Pemeraksanaan i-Pad SPMP yang disampaikan oleh Pn. Juhaida binti Hassan, Pegawai Penyelaras SPAk Politeknik Nilai manakala slot ke 2 adalah Pengenalan Asas Kaunseling yang disampaikan oleh Pn. Fatin Maisarah binti Ilias, Pegawai Psikologi, Politeknik Nilai dan slot ke 3 adalah teknik dan tunjuk cara kemahiran mendengar, meminta penjelasan dan membina hubungan yang disampaikan oleh Tuan Haji Zainudin bin Mohd Esin, mantan Pensyarah Utama Politeknik Nilai.

AUDIT PEMATUHAN SIRIM MS ISO 9001:2015 POLITEKNIK NILAI



Audit Pematuhan SIRIM MS ISO 9001: 2015 diteruskan dengan Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL), Unit Khidmat Pengurusan (UKP) dan Unit Komunikasi & Perhubungan Korporat (UKK) serta Jabatan Perdagangan. Sesi ini dijalankan secara berasingan oleh kedua-dua juruaudit. Juruaudit juga telah membuat sesi audit melalui lawatan pemantauan fasiliti ke Pusat Sumber, Bilik-bilik kuliah serta Kafetaria Sri Tanjung dan Sri Siantan



PERTANDINGAN *INNOVATION PRODUCT LAUNCHING AND ENTREPRENEURSHIP* (INNOPLN 2023)



Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS)

Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am (UJPA), Politeknik Nilai telah menyertai pertandingan INNOPLN 2023 Peringkat Kebangsaan. Majlis Penutup telah diadakan di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS). Tahniah dan syabas kepada Pn. Rosmawati binti Razak, Pn. Mastura binti Mamat dan Pn. Noriah binti Nawi yang telah berjaya menerima anugerah: Pingat **Emas**, Johan Video Terbaik Kategori Pendidikan, **Naib Johan** Inovasi Terbaik Kategori Pendidikan dan Tempat **Ketiga** Keseluruhan.



POLYTECHNIC YOUTH SKILLS ENHANCEMENT PROGRAMME 2023 - MODUL 6 PENGUCAPAN AWAM



Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Politeknik Nilai telah mengadakan *Polytechnic Youth Skill Enhancement Programme 2023* (PolySEP23). Objektif program ini adalah bagi memantapkan proses pengurusan, protokol dan etika sebagai pemimpin pelajar dalam menguruskan tugas sebagai Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).

Program yang berlangsung di Kem Wawasan Negara Ulu Sepri, Rembau ini dimulakan dengan Taklimat Keselamatan dan Disiplin oleh pegawai En. Akmaluddin seterusnya Mandat daripada Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik), En. Shuharzi bin Md Salleh dan sesi *Ice Breaking 'The Power of Profesional image'* oleh urus setia.

MAJLIS PENUTUP MINGGU SUAI KENAL (MSK)

SESI I: 2023/2024

Majlis dimulai dengan Ucaptama dan Perasmian Penutup oleh En. Zainal bin Ab. Rahman, Timbalan Pengarah. Majlis yang berlangsung di Dewan Sri Putra ini turut dihadiri oleh En. Shuharzi bin Md Salleh, Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik) serta barisan Ahli Mesyuarat Pengurusan (AMP), Politeknik Nilai. Antara agenda majlis adalah Tayangan Lensa dari Unit Komunikasi dan Hubungan Korporat, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (UKK JPPKK), Tayangan Video Montaj MSK, Penyampaian Sijil Penghargaan kepada wakil setiap organisasi pelajar (MPP, PRS, JPKK dan RAPI), Bacaan Ikrar pelajar baharu Politeknik Nilai dan Pelancaran Minggu Sambutan Hari Kemerdekaan.



MAJLIS AMANAT SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN BERSAMA YAB PERDANA MENTERI

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah mengadakan Majlis Amanat Sambutan Hari Kebangsaan bersama YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim. Seramai lebih kurang 8000 jemputan dari pelbagai agensi kerajaan, swasta dan IPTA/IPTS telah hadir, Politeknik Nilai adalah antara IPTA yang hadir untuk bersama-sama merayakan majlis tersebut. Politeknik Nilai telah diwakili oleh 17 orang pemimpin pelajar Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Pembimbing Rakan Siswa (PRS) serta 8 orang pensyarah/staf. Antara intipati YAB Perdana Menteri dalam ucapannya adalah beliau mengajak seluruh lapisan masyarakat memaknai kemerdekaan Negara dengan jiwa dan pemikiran merdeka.

Putrajaya International Convention Centre (PICC)



PERBARISAN HARI KEBANGSAAN MALAYSIA KE-66

Pelajar Briged RELA Siswa Siswi (RELASIS) Politeknik Nilai telah terlibat dengan Perbarisan Hari Kebangsaan ke-66 peringkat Negeri Sembilan di Dataran Majlis Bandaraya Seremban (MBS). Politeknik Nilai amat berbangga kerana dua (2) orang pelajar tersebut iaitu Nuradriana Balqis binti Mazlan dan Fatin Syakirah binti Zaimi, semester 4 Jabatan Perdagangan telah mewakili Jabatan Kesukarelawanan Malaysia (RELA) Negeri Sembilan. Tahniah dan syabas anda kebanggaan Politeknik Nilai.

Dataran Majlis Bandaraya Seremban (MBS)



PROGRAM AMBANG MERDEKA

Program ini telah diadakan di padang Politeknik Nilai sempena sambutan di Ambang Merdeka yang ke-66. Semua pelajar berkumpul untuk sama-sama membuat *countdown* Kemerdekaan dan diselangi *firework show*, nyanyian Lagu Negaraku dan laungan 'merdeka' sebanyak 7 kali. Program ini dianjurkan setiap tahun oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bersama Pembimbing Rakan Siswa (PRS).



FUN RUN DAN TREASURE HUNT MERDEKA

Program ini telah berlangsung di padang Politeknik Nilai sempena sambutan kemerdekaan yang telah melibatkan seluruh pelajar. Terdapat beberapa aktiviti yang telah dijalankan seperti *Fun Run Merdeka* dan *Treasure Hunt Merdeka*. Selamat Hari Kemerdekaan yang ke-66



KURSUS PPK *AUTOCAD FOR MECHANICAL* SIRI 7/2023

Kursus ini telah dianjurkan oleh Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL), Politeknik Nilai selama 4 hari dan 3 malam atau 35 jam latihan. Kursus ini telah dilaksanakan secara 30% teori dan 70% lagi praktikal. Penekanan terhadap pembangunan portfolio telah ditekankan di sepanjang kursus bagi memberi pengalaman sebenar terhadap dunia industri melibatkan CAD. Di akhir kursus, peserta akan mempunyai 5 portfolio lengkap sebagai hasil pembelajaran CAD melibatkan lukisan *orthografik* dan juga *isometric*. Malah, *pre-test* dan *post-test* juga telah dilaksanakan dalam kursus ini bertujuan untuk mengukur sejauh mana tahap pengetahuan peserta terhadap bidang ini sebelum dan selepas mengikuti kursus sepenuhnya.



The Guest Hotel & Spa, Port Dickson




KURSUS PPK *EFFECTIVE COMMUNICATION FOR TVET* SIRI 2/2023

Kursus ini telah dianjurkan oleh Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL), Politeknik Nilai selama 4 hari 3 malam atau 35 jam latihan. Kursus ini telah memberi impak kepada peserta untuk menjadi komunikator profesional di tempat kerja mereka. Mereka dapat menggunakan kemahiran menyampaikan mesej mereka dengan cara yang akan dihargai oleh orang lain. Peserta juga mempelajari unsur-unsur komunikasi mengikut fleksibiliti masing-masing untuk memenuhi objektif mereka.

The Guest Hotel & Spa, Port Dickson





**KITA SEMUA RAKYAT
MALAYSIA
DAN KEMERDEKAAN
INILAH YANG
MENYATUKAN KITA.
INGATLAH
BAHAWASANYA
TOLERANSI ADALAH
KEKUATAN KITA SEBAGAI
RAKYAT DAN BANGSA**

TUNKU ABDUL RAHMAN



PERKONGSIAN KEPAKARAN INDUSTRI (PKI): KURSUS PENYELENGGARAAN DAN BAIK PULIH MEKANIKAL & ELEKTRIK

Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL), Politeknik Nilai telah menganjurkan Program Perkongsian Kepakaran Industri bertajuk Kursus Penyelenggaraan dan Baik Pulih Mekanikal & Elektrik selama 2 hari. Program Perkongsian Kepakaran Industri ini telah dirancang dengan menggunakan modul yang dibangunkan oleh Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan, CIAST iaitu Perkongsian Kepakaran Industri (PKI) di Institusi Latihan TVET (Awam) sebagai rujukan. Pelaksanaan program ini juga adalah sebagai persediaan bagi pelantikan Panel Penasihat Industri yang baharu bagi Program Diploma Kejuruteraan Mekanikal (DKM) di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM), Politeknik Nilai Negeri Sembilan. Sumbangan kepakaran dan idea dari pihak industri diharap dapat membantu JKM bagi memastikan semua mesin dan alatan berada dalam keadaan yang selamat digunakan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Program ini dilihat dapat memberi impak kepada institusi melalui penglibatan pensyarah di mana ianya memberi pengalaman, keyakinan diri kepada pensyarah melalui kepakaran menerusi perkongsian ilmu. Ianya juga dapat memberi keyakinan diri kepada para pensyarah untuk berdepan dengan pihak komuniti/industri/agensi di dalam perkongsian ilmu tersebut.



KURSUS PERSIJILAN *PROFESIONAL*: *GOOGLE CERTIFIED EDUCATOR LEVEL 1*

Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL), Politeknik Nilai telah menganjurkan Program Persijilan Profesional bertajuk *Google Certified Educator Level 1* selama 5 hari. Program ini bertujuan untuk meningkatkan keupayaan dan kemahiran PPPT dengan kemahiran yang relevan seiring dengan keperluan semasa serta teknologi terkini dalam penyampaian pendidikan bertaraf antarabangsa. Peserta yang berjaya melepasi tahap 1 akan melayakkan diri untuk mengikuti Pentauliahahan bagi Persijilan Profesional: *Google Certified Educator Level 2*.



BORNEO INNOVATION FESTIVAL 2023 (BIF 23)

Tahniah dan Syabas diucapkan kepada Ustazah Rosmawati binti Razak, Jabatan Pengajian Am (JPA) di atas kejayaan memperolehi pingat **EMAS** dalam BIF 23 dalam Kategori Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Tajuk inovasi yang dipertandingkan adalah I-SMART QARI. Inovasi I-SMART QARI ini turut disertai oleh 2 orang ahli lain iaitu Puan Nurul Shahida binti Azmi, Politeknik Seberang Perai (PSP) dan Dr. Izzah Nur Aida binti Zur Raffar (UiTM).



PERTANDINGAN *INTERNATIONAL INNOVATION, INVENTION AND CREATION EXHIBITION (IIICE) 2023*

Tahniah dan Syabas kepada Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM), Politeknik Nilai kerana berjaya memperolehi **EMAS** dalam pertandingan *International Innovation, Invention and Creation Exhibition (IIICE) 2023* yang telah berlangsung secara virtual bermula 11 September - 02 Oktober 2023. Penyertaan terdiri daripada pensyarah JKM iaitu Pn. Maheran binti Sulaiman, En. Mohd Saifuddin bin Haji Ahmad, En. Ahmad Hafrizalman bin Abdul Hamid, Dr. Mazyan bin Yahaya dan En. Mohamad Nadzhar bin Jjom yang telah memperkenalkan Modul Set Kit pembelajaran asas IoT yang dapat diaplikasikan kepada pelajar yang dinamakan *Switchless Kit*.



THE TRIP TO AJINOMOTO (MALAYSIA) BERHAD

The trip to Ajinomoto (Malaysia) Berhad in Bandar Enstek, Negeri Sembilan was organized as an opportunity for students to enhance their biomanufacturing skills. This visit aimed to broaden their knowledge of applying fermentation technology, downstream processing, and good manufacturing practices (GMP). It provided students with a firsthand experience of the production, processing, and quality testing of food products. This practical application complemented the theoretical concepts learned in the Industrial Biotechnology course.



PROGRAM KEMBARA BIJAK WANG



Unit Keusahawanan dan Unit Alumni bersama Bahagian Ambilan & Pembangunan Pelajar, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (BAPP, JPPKK) telah mengadakan program kerjasama AKPK-HSBC-JPPKK (Kembara Bijak Wang) sebagai satu program keusahawanan pelajar. Program ini akan dilaksanakan secara tiga fasa bermula dari 2 September - 28 Oktober 2023. Program berbentuk gamifikasi serta pertandingan secara dalam talian ini melibatkan penglibatan secara berkumpulan dari pelajar. Bagi fasa pertama yang berlangsung pada 7 September 2023, seramai 30 orang pelajar dari Politeknik Nilai telah mengikuti program ini secara *hybrid* bertempat di Bilik Seminar, Unit Keusahawanan, Politeknik Nilai. Seterusnya pelajar akan mengikuti cabaran berbentuk gamifikasi untuk terpilih ke fasa seterusnya.

PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI PEMBELAJARAN *DIGITAL CIDOS INSPIRING LEARNING AWARD* POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA (EDOLA XI) KALI KE-11 2023

Bagi pertandingan eDOLA ke-11 (2023) Politeknik Nilai telah menghantar 5 kategori. 5 Kategori tersebut adalah kategori iPRO, iEXPLEARN, iNOVATER, iTECC dan iFLAGSHIP. Bagi pertandingan eDOLA ke-11 (2023) kategori *iPRO-rating* saluran *YouTube Shout!TVET*. Politeknik Nilai telah memenangi tempat **PERTAMA** bagi saluran youtube bagi kategori tersebut. Bagi kategori iNOVATER, Politeknik Nilai telah memenangi tempat **KEDUA** bagi penyertaan video yang bertajuk *iNOVATER - Combination of augmented reality and gamification in biotechnology* bagi kategori tersebut: <https://www.youtube.com/watch?v=qF4M9hNVc34>. Bagi kategori iEXPLEARN, Politeknik Nilai telah memenangi *FINALIS TOP 5* bagi penyertaan video yang bertajuk *iEXPLEARN- Using CIDOS in teaching and learning* bagi kategori tersebut: <https://youtu.be/mQlcCvQWKS0>.



PROGRAM PERKONGSIAN PERALATAN DAN KEPAKARAN

7 September 2023

Program kerjasama Kolej Vokasional Ampangan yang mengadakan sesi perkongsian peralatan dan kepakaran di Makmal CAD/CAM. Perkongsian telah disampaikan oleh Ts. Khairul Nizam bin Kamarudin, Ketua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal berkenaan pengoperasian mesin CNC milling.



14 September 2023

Perkongsian Penggunaan Alatan dan Tenaga Pengajar telah diadakan di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM), ianya merupakan program kerjasama antara Kolej Vokasional Ampangan dan Politeknik Nilai. Seramai 13 orang pelajar Sijil Vokasional Malaysia bersama seorang pensyarah pengiring En. Syafiq bin Kamarudin telah hadir bagi siri kedua program perkongsian ini. Program ini dijalankan bagi memenuhi keperluan salah satu kompetensi Unit Sijil Kemahiran Malaysia bidang Operasi Pemesinan Tahap 2 (MC-050-2:2013) dan Tahap 3 (MC-050-3:2015). Perkongsian ini telah disampaikan oleh Ts. Khairul Nizam bin Kamarudin, Ketua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Nilai.



CERAMAH KESEDARAN LGBT "PELANGI CINTA TERLARANG"

Pembimbing Rakan Siswa (PRS), Politeknik Nilai di bawah Unit Pengurusan Psikologi (UPPsi) telah mengadakan ceramah kesedaran LGBT. Ceramah ini telah berlangsung dari jam 9.00 - 11.00 malam. Ceramah kesedaran LGBT ini telah disampaikan oleh En. Khaerul Anuar bin Darus, Pengasas Syarikat Bitara Success Management. Ceramah kesedaran LGBT ini bertujuan untuk memberikan kesedaran awal dan membanteras gejala LGBT agar tidak menular dan merosakkan generasi muda negara kita. Semoga perkongsian ini dapat membantu pelajar - pelajar faham tentang keburukan LGBT.



PROGRAM YOUTH CELIK IP AT CAMPSITE

Pusat Penyelidikan dan Inovasi dengan kerjasama Kolej Komuniti Baling, Kedah telah menganjurkan Program *Youth Celik IP at Campsite* bagi tahun 2023. Dua orang pelajar Politeknik Nilai dari Program Diploma Landscape Horticulture (DLH), Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri (JAB) iaitu Tun Syarifah Aneeqa binti Tun Abdull Mutalib dan Khairun Nisa binti Samsudin telah menyertai program yang berlangsung selama 3 hari tersebut di Keda Resort Bendang Man Sik, Kedah yang dibimbing oleh pensyarah Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri (JAB), Ts. Sures a/I Narayasamy. Tun Syarifah Aneeqa binti Tun Abdull Mutalib telah memenangi **peserta perempuan terbaik** dengan produk berkonsepkan '*Hydro Filter*'. Manakala kumpulan Khairun Nisa binti Samsudin telah memenangi **kumpulan terbaik** melalui produk inovasi berkonsepkan '*Multipurpose Capsule Drone*'.



KURSUS ASAS AUTOCAD VERSI 2023

Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Kursus Asas AutoCAD Versi 2023 telah diadakan di Makmal AutoCAD Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) khusus kepada pelajar Sekolah Menengah Desa Cempaka seramai 24 orang. Kursus telah dikendalikan oleh Pn. Rosliza binti Hasan dan Pn. Nur Farahdiba binti Zulkefle pensyarah Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM). Terima kasih Cikgu Zaida binti Mat Jusoh, Ketua Panitia Grafik Komunikasi Teknikal (GKT) kerana memberi kepercayaan kepada Politeknik Nilai.



KELAS AL - QURAN



Kelas Al-Quran untuk anak-anak staf diteruskan seperti biasa di Pusat Islam Al - Kauthar pada setiap hari Isnin, Selasa dan Khamis bermula selepas Maghrib hingga Isyak. Tenaga pengajar adalah di kalangan pelajar Rakan Pusat Islam (RAPI).



LAWATAN PENANDAARAS

SISTEM PENGURUSAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN

Jawatankuasa Kerja Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKKP), Politeknik Nilai sedang dalam usaha melaksanakan penambahbaikan pengurusan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Sehubungan dengan itu, satu lawatan penandaarasan ke Politeknik Port Dickson (PPD) telah diadakan berdasarkan kepada reputasi Politeknik Port Dickson (PPD) sebagai Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang cemerlang. Tujuan utama lawatan penandaarasan ini adalah untuk mendapatkan input - input yang berguna sebagai panduan dan rujukan terutamanya dari sudut pengurusan, infrastruktur dan aktiviti keselamatan yang sedia ada di Politeknik Port Dickson (PPD) sebagai penandaarasan dalam membuat penambahbaikan yang diperlukan oleh pihak Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (UKKP), Politeknik Nilai.

POLITEKNIK NILAI KE
POLITEKNIK PORT DICKSON



POLITEKNIK NILAI KE
POLITEKNIKJELI



UNIT KHIDMAT PENGURUSAN

Satu Lawatan Penandaaras Politeknik Nilai ke Politeknik Jeli telah diadakan melibatkan Unit Khidmat Pengurusan (UKP), Politeknik Nilai. Antara tempat lawatan yang dilawati ialah Unit Kewangan, Unit Perkhidmatan dan Pentadbiran, Unit Teknologi Maklumat dan Unit Pembangunan & Penyelenggaraan (UPP). Turut hadir bersama Dr. Haji Mohd Daud bin Isa, Pengarah Politeknik Jeli, En. Saifuddin bin Semail, Timbalan Pengarah (Akademik), En. Irozi bin Ismail, Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik), Dr. Suhaily binti Abdullah, Timbalan Pengarah Governan & Strategik serta pensyarah dan staf sokongan Politeknik Jeli manakala delegasi Politeknik Nilai diketuai oleh Pn. Nofizah Rozlina binti Mohammad Nor, Pegawai Eksekutif Tertinggi (PET) merangkap Ketua Unit Khidmat Pengurusan (UKP), Politeknik Nilai.

CAMP21: SYNERGIZING LITERACIES 2023

English Language Unit, General Studies Department has participated in Camp21: Synergizing Literacies 2023 programme organized by Curriculum Division, Department of Polytechnic and Community College Education. This programme aimed to develop students' thinking skills in design thinking. Students were involved in a field trip, project design and project presentation. Polytechnic Nilai has sent 4 participants from semester 1 students. 2 of our participants, Ibnu Abbas bin Mamat from DIB1A and Muhammad Nurzikr Hakim bin Yuzain from DEM1A won 2nd place in the competition.



PROGRAM 3J (JOM JUMPA PEGAWAI PSIKOLOGI)

Program 3J yang dianjurkan oleh Unit Pengurusan Psikologi (UPPsi), Politeknik Nilai telah berlangsung di Pekarangan KOPERASI. Pelbagai aktiviti yang disediakan seperti Ujian Psikologi, Ujian *Extrovert-Introvert* dan *Inventori Gaya Bercinta*. Dengan adanya program ini, pelajar dapat lebih mengenali personaliti diri. Selain itu, dapat mengetahui tingkat *level stress* pada diri.



PERTANDINGAN SWAFOTO BERSAMA SEMPENA SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN DAN HARI MALAYSIA 2023

Tahniah dan syabas buat Politeknik Nilai kerana telah memenangi Tempat **Pertama** dalam pertandingan tersebut. Pertandingan ini dibuka penyertaannya kepada semua pelajar dan staf di jabatan dan institusi di bawah Jabatan Pendidikan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Kementerian Pendidikan Tinggi. Politeknik Nilai telah diwakili oleh Pn. Nurul Shahada binti Mohd Hashim, Pn. Syamilah binti Mohd Shah, Pn. Hasniwati




MAJLIS PENUTUP SEMPENA SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN MALAYSIA KALI KE-66 PERINGKAT POLITEKNIK NILAI

Politeknik Nilai melalui Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah mengadakan pelbagai program bagi sambutan sempena Hari Kemerdekaan Malaysia kali ke-66 peringkat Politeknik Nilai bermula 1 - 31 Ogos 2023. Oleh itu, satu Majlis Penutup telah diadakan pada di Dewan Sri Putra, Politeknik Nilai. Majlis ini telah dirasmikan oleh Tuan Haji Wan Zulkifly bin Wan Zakaria, Pengarah Politeknik Nilai diiringi oleh En. Mohd Khairulhazlan bin Mohamed Zam, Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar serta Ketua Jabatan Agroteknologi & Bio-Industri (JAB) dan Penasihat-penasihat MPP serta PRS. Majlis dimulakan dengan Kuiz Kemerdekaan, seterusnya Nyanyian Lagu Negaraku dan Lagu Malaysia diikuti dengan Ucapan Perasmian Majlis Penutup oleh Tuan Haji Wan Zulkifly bin Wan Zakaria, Pengarah Politeknik Nilai dan penyampaian hadiah bagi pemenang Pertandingan Poster Digital Kemerdekaan, Video Kreatif Nyanyian Lagu Patriotik, *Fun Run Kemerdekaan*.



3 WEEKS ANOTHER LANGUAGE (BAHASA TAMIL)

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah mengadakan Kursus Bahasa Tamil di Dewan Kuliah Utama, Politeknik Nilai. Kursus ini terbuka kepada semua pelajar Politeknik Nilai. Kursus telah disampaikan oleh Jeevinthiran a/l Ghanasan pelajar semester 4 dari Jabatan Perdagangan.



KURSUS MULTI CAMERA PRODUCTION (MCP)



Unit Teknologi Pendidikan dan Multimedia (UPTM) dengan kerjasama syarikat Innosebatan telah mengadakan bengkel MCP bagi jawatankuasa Pengurusan Fotografi, Rakaman, Multimedia dan Teknikal Majlis Konvokesyen Politeknik Nilai 2023. Perkongsian ini telah disampaikan oleh Mr. Steven Wan dan Mr. Bino Nga dari Syarikat Innosebatan.

KUNJUNGAN MESRA DELEGASI POLITEKNIK CENDANA, MEDAN INDONESIA

Sekitar lawatan Delegasi Politeknik Cendana, Medan Indonesia ke Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri (JAB), Jabatan Perdagangan, KODAI.MY dan Pusat Sumber untuk melihat proses pengajaran dan pembelajaran (PdP).



PROGRAM *EDU FUN EXPLORACE PATRIOTIK*

Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am telah mengadakan Program *Edu Fun Explorace Patriotik* di sekitar Politeknik Nilai. Program ini bertujuan untuk memenuhi keperluan sebahagian silibus kursus - kursus tersebut: MPU21032 Penghayatan Etika dan Peradaban, MPU23012 Pengajian Islam, MPU23052 Sains Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam, MPU23042 Nilai Masyarakat Malaysia dan MPU22042 Bahasa Kebangsaan A



LAWATAN PANEL PENILAI LUAR MQA MBOT

Lawatan Panel Penilai Luar MQA MBOT bagi 3 program Diploma Pengurusan Peruncitan (DRM), Diploma Bioteknologi (DBT) dan Diploma Hortikultur Landskap (DLH) telah diadakan selama 1 hari. Lawatan ini merangkumi Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Alumni, fasiliti PdP seperti bilik kuliah, makmal, bengkel dan wifi serta Pusat Sumber. Panel yang terlibat adalah Prof. Ts. Dr. Mohamad Yusof bin Maskat (UKM), Panel DBT, Ts. Emran @ Zahrin bin Mohamad Tara (UPM), Panel DLH, Dr. Mazura binti Mansor (PSIS), Panel DRM dan Dr. Suraya Akmar binti Mokhtaruddin (PUO), Panel DRM



PROGRAM EKSPLORASI ALAM PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2023

Jabatan Belia dan Sukan Negeri Selangor dengan kerjasama Kelab Sukan Rekreasi Integrasi Mega melalui Persatuan Bekas Mahasiswa (Alumni), Politeknik Nilai telah mengadakan Program Eksplorasi Alam Peringkat Negeri Selangor tahun 2023 bertempat di Hutan Simpan Kekal Air Terjun Sungai Pisang, Gombak, Selangor. Program Eksplorasi Alam Peringkat Kebangsaan ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang alam semulajadi dan memberi pengetahuan asas sukan rekreasi. Seramai 2 orang pensyarah dan 5 orang pelajar telah menyertai program tersebut.



PROGRAM *WORLD CLEAN UP DAY* DAN HARI OZON SEDUNIA PERINGKAT NEGERI SEMBILAN

Seramai 35 orang pelajar daripada Kelab Mesra Alam Politeknik Nilai diiringi pensyarah kelab Puan Rosmawati binti Razak telah menyertai Program *World Clean Up Day* dan Hari Ozon Sedunia peringkat Negeri Sembilan bertempat di Pantai Saujana, Port Dickson. Program dimulakan dengan taklimat ringkas pembersihan pantai, senaman ringkas, aktiviti pembersihan seterusnya timbang dan pengasingan sisa pantai. Pelajar juga dapat melihat demonstrasi kitar semula bahan sisa pantai yang dilakukan oleh Great Eastern melalui alat inovasi yang telah direka cipta. Program ini telah dianjurkan oleh SMW Environment Sdn Bhd, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan dan Great Eastern di bawah seliaan Unit Teknologi Hijau (UTH) dan Unit Sukan dan Kokurikulum, JSKK Politeknik Nilai. Semoga program seperti ini dapat meningkatkan amalan dan kesedaran masyarakat khususnya pelajar-pelajar berkaitan kepentingan memelihara alam sekitar.



MUET WRITING WORKSHOP ROGRAMME: ENGLISH LANGUAGE FESTIVAL ORGANISED BY ENGLISH LANGUAGE UNIT

English Language Unit has successfully organised the MUET Writing Workshop for students who will be sitting for the Malaysian University English Test (MUET). This workshop has successfully been carried out by a great team of few English language lecturers with the generous help of our honourable speaker, YBhg. Datin Seri Arida binti Abdul Razak. This 3-hour programme was attended by 186 participants, and they were briefed on the format, tips, and practices for the writing paper. It is hoped that the sincere sharing of experience and knowledge from the speaker will improve the performance and excellence of our students.



COMMERCE RESEARCH INNOVATION SOLVING EXHIBITION (COMRISE) SESI I: 2023/2024

COMRISE 2023 adalah pembentangan kursus projek akhir Jabatan Perdagangan. Sebanyak 54 kumpulan telah membentangkan hasil penyelidikan dan inovasi yang dibangunkan selama 12 minggu. Panel penilai terdiri daripada 2 orang daripada AMANZ Media Sdn Bhd dan 11 orang dalam kalangan pensyarah Politeknik Malaysia. Diharap dengan pameran projek ini menjadi satu platform yang dapat memberi pendedahan potensi pelajar dalam bidang penyelidikan & inovasi dan seterusnya membuka peluang untuk proses pengkomersialan pada tahap yang lebih tinggi.



BENGKEL PELAN TINDAKAN POLITEKNIK NILAI 2023/2024

Bengkel Pelan Tindakan 2023/2024 telah diadakan di Hotel Imperial Heritage, Melaka bagi tujuan untuk melihat semula Pelan Tindakan Politeknik Nilai 2023 yang telah dijalankan serta perancangan Pelan Tindakan Politeknik Nilai tahun 2024. Bengkel ini telah dihadiri oleh barisan Ahli Mesyuarat Pengurusan (AMP) Politeknik Nilai.



KUNJUNGAN MESRA RESIDENTIAL COLLEGE COMMITTEE

Universiti Kuala Lumpur (UnikL) telah mengadakan Kunjungan Mesra Residential College Committee di Dewan Sri Putra dan sekitar kampus Politeknik Nilai. Program ini bertujuan untuk mengadakan hubungan baik bagi pertukaran idea dan perkongsian maklumat bersama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Politeknik Nilai.



CERAMAH DAKWAH DAN MOTIVASI BERSAMA IDDIN RAMLI

“UNTUKMU YANG HILANG HARAPAN”

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Politeknik Nilai dengan kerjasama Pembimbing Rakan Siswa (PRS) Politeknik Nilai telah menganjurkan program Ceramah Dakwah dan Motivasi. Ceramah Dakwah dan Motivasi ini telah disampaikan oleh En. Muhammad Iddin bin Ramli atau dikenali sebagai Iddin Ramli yang merupakan Motivator Media Sosial dan Pengasas Naseehat Holding. Ceramah Dakwah dan Motivasi ini bertujuan untuk memberi kesedaran dan motivasi kepada pelajar untuk terus semangat dalam menuntut ilmu.



KURSUS PENGENDALI MAKANAN SIRI 2/2023

Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Kursus Pengendali Makanan Siri 2/2023 telah diadakan di Dewan Kuliah Utama, Politeknik Nilai khusus kepada pelajar dan staf Politeknik Nilai serta pengendali makanan komuniti seramai 45 orang. Kursus telah disampaikan oleh En. Mohd Azlan Saw bin Zulkifli Saw, tenaga pengajar terlatih dari Mindaflex Sdn Bhd. Peserta telah didedahkan kepada pengenalan pengendalian makanan, kebersihan makanan, keselamatan makanan dan faktor-faktor kritikal keracunan makanan. Kursus ini memberi nilai tambah kepada peserta yang terlibat secara langsung dalam penyediaan makanan, menyentuh makanan atau permukaan yang menyentuh makanan, dan mengendalikan makanan dalam mana-mana premis makanan



KURSUS HERO BANJIR

Yayasan Maghfirah telah mengadakan Kursus Pertolongan Cemas dan Fiqh Banjir di bawah Program Hero Banjir. Program tersebut telah diadakan di Yayasan Maghfirah Edu & Training Centre, Kg. Kapal Ulu Beranang, Lenggeng Negeri Sembilan. Program ini bertujuan untuk memberi ilmu pengetahuan tentang bantuan kecemasan dan ilmu agama ketika berlaku bencana banjir. Seramai 2 orang pensyarah dan 16 orang pelajar Briged RELA Siswa Siswi (RELASIS) Politeknik Nilai semester 1 - 4 telah menyertai kursus tersebut. Slot 1 telah disampaikan oleh Dr. Wan Mohd Fazrul Azdi bin Wan Razali, pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan tajuk Fiqh Banjir manakala slot kedua pula telah disampaikan oleh Kapten (PA) Ruslan bin Lok, pegawai Pertahanan Awam Daerah Hulu Langat bertajuk Asas Banjir dan Bantuan Kecemasan (APM).



KURSUS DIY JAMBANGAN BUNGA (*DRIED FLOWER/COKLAT*)

Kursus ini telah diadakan di bawah anjuran Biro Pendidikan dan Pembangunan Keluarga dengan kerjasama Biro Keusahawanan PUSPANITA Politeknik Nilai. Seramai 8 orang peserta telah menyertai kursus yang dikendalikan oleh LAr. Dr. Fara Diba binti Badrul Hisham



KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF HORIZON BAHARU PERINGKAT KEBANGSAAN



Tahniah dan Syabas buat pasukan KIK Politeknik Nilai, Eco Energy Squad di atas kejayaan memperolehi pingat **PERAK** dengan Projek: Intelligent Remote Switch System dalam cabaran Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif Horizon Baharu Peringkat Kebangsaan bermula pada 25 - 27 September 2023 bertempat di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) Perlis. Pasukan KIKHB Politeknik Nilai disertai oleh Pn. Isrulhasrita binti Ismail (Ketua Projek), Ts. Norshima binti Shaari, Pn. Norhafeeza binti Bambang Shaidi, Pn. Nuranika Shamimi binti Shamsdin, En. Zul Aizat binti Hamdan, En. Mohd Taufik Reeza binti Mohd Foudzi dan Penasihat Kumpulan, Dr. Ahmad Razimi binti Mat Lazim.

IKON SIARAWAN POLYCC 2023

Politeknik Nilai melalui Jabatan Pengajian Am telah menghantar pelajar Muhammad Zafirul Arif bin Abd Razak dari DLH2A bagi menyertai program Ikon Siarawan PolyCC 2023. Tahniah buat pelajar telah berjaya mendapat tempat ke-4 dalam program tersebut. Program ini bertujuan untuk mencungkil bakat para peserta dalam bidang pengacaraan, pengucapan awam dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Selain daripada itu, program ini juga menitikberatkan kemahiran orator yang baik dan menguji kemampuan peserta untuk mengendalikan majlis secara profesional.



ISLAMIC BANKING AND FINANCE TALK 2023 (IBF TAKL)



Islamic Banking Club (ISBAC) dengan jayanya telah menganjurkan *Islamic Banking and Finance Talk 2023* (IBF Talk) bertempat di Dewan Sri Putra. *IBF Talk 2023* menampilkan 3 orang penceramah jemputan dari industri kewangan dan perbankan Islam. Slot 1 *IBF Talk* disampaikan oleh Dr. Razli bin Ramli (Penasihat Syariah BSN) dengan tajuk *Impact of OPR on Deposit & Financing Product in Islamic Banking Institution*. Slot 2 *IBF Talk 2023* pula disampaikan oleh Encik Muhamad Asyraf Zazali bin Musthafa (Pengurus Bank Islam Nilai) bertajuk *Scam Avoidance and Awareness*. Sesi dan slot 3 dengan tajuk *How to be a successful agent in Takaful* disampaikan oleh Puan Hawa binti Ya'akob (Principle Consultant Soha Barakah).

PROGRAM CAKNA WARISAN DAN ADAT

Program Cakna Warisan dan Adat telah berlangsung di Lembaga Muzium Negeri Sembilan, Seremban. Program ini melibatkan seramai 38 orang pelajar dari Diploma Kejuruteraan Mekanikal (DKM) dan Diploma Kejuruteraan Mekatronik (DEM) bersama dua orang penasihat program Puan Hasani binti Ghazali dan Puan Nor Wahida binti Dzalihi'zzabir. Bertujuan untuk memperkenalkan kepada pelajar elemen warisan ketara dan warisan tidak ketara yang terdapat dalam komuniti masyarakat Negeri Sembilan. Ianya juga merupakan refleksi kepada topik pembelajaran Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban yang diambil oleh para peserta program pada sesi ini. Pada bahagian akhir program disertakan aktiviti eksplorasi muzium yang disertai oleh pelajar dan serahan hadiah kepada para pemenang.



MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT NEGERI SEMBILAN 1445H



Politeknik Nilai yang diwakili oleh 41 orang pelajar Rakan Pusat Islam (RAPI) telah menyertai Majlis Sambutan Maulidur Rasul peringkat Negeri Sembilan 1445H yang berlangsung di Padang Majlis Bandaraya Seremban. Majlis telah dirasmikan oleh DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dan diteruskan dengan perarakan daripada 77 kontinjen yang terdiri daripada Jabatan Kerajaan, NGO, IPT, sekolah dan lain-lain. Semoga Sambutan Maulidur Rasul yang diadakan ini dapat menambahkan rasa kecintaan kepada junjungan Nabi Muhammad SAW.

PROGRAM MAHABBAH RASULULLAH 1445H

Rakan Pusat Islam (RAPI) Al Kauthar telah menganjurkan program Mahabbah Rasulullah 1445H bersempena Maulidur Rasul, serta majlis ini dimeriahkan lagi dengan kehadiran PU Raihan bin Husin sebagai tetamu jemputan di Dewan Sri Putra, Politeknik Nilai. Semua pelajar dan Staf Politeknik Nilai telah hadir bagi memeriahkan majlis yang diadakan bermula jam 8.00 malam. Program tersebut diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada pelajar - pelajar yang telah memenangi pertandingan yang dianjurkan oleh Rakan Pusat Islam (RAPI) sempena sambutan Maulidur Rasul 1445H iaitu Pertandingan Video, Poster, Pertandingan Azan dan pertandingan Khat.



KURSUS PENINGKATAN KEMAHIRAN PENSYARAH : PEMBINAAN LANDSKAP KEJUR DAN PENYELENGGARAAN MESIN

Kursus Peningkatan Kemahiran Pensyarah: Pembinaan Landskap Kejur dan Penyelenggaraan Mesin telah melibatkan 19 orang pensyarah Diploma Hortikultur Landskap, Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri. Program ini merupakan satu inisiatif bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang teknikal dalam kalangan pensyarah Diploma Hortikultur Landskap (DLH) di Politeknik Nilai. Adalah diharapkan melalui kursus ini, para pensyarah dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dan mempraktikkan ilmu yang disampaikan untuk pembelajaran dan pengajaran (PdP).



APABILA KAMU
BELAJAR SESUATU
ILMU ATAU
MENGULANGKAJI,
HENDAKLAH ILMU
YANG DIPELAJARI
ITU BOLEH
MEMPERBAIKI
HATIMU DAN
MEMBERSIHKAN
JIWAMU

IMAM AL-GHAZALI

PAMERAN AKADEmia SEMPERA MAJLIS ANUGERAH AKADEmia POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (AA POLYCC) TAHUN 2023

Kumpulan ini terdiri daripada Dr. Nor Rahimy binti Khalid, Puan Siti Raudha binti Azis, Puan Azalinda binti Mat Saad, Puan Zauyah binti Azman dan Puan Fardhila Syahira binti Salmi Nordin telah mempamerkan produk inovasi dalam bidang pengajaran dan pembelajaran yang bertajuk *360 Immersive Tour*. Produk inovasi ini telah didaftarkan Hak Cipta dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dan turut memenangi Pingat **EMAS** dan **PERAK** di peringkat antarabangsa dan kebangsaan iaitu dalam Pertandingan *International Competition of Immersive Intelligent Learning in Education (i-CIILE) 2023*, *International Innovation in Technical and Vocational Education and Training* dan Pertandingan Inovasi Pensyarah TVET (PERISA).



HARI TERBUKA PENDIDIKAN TINGGI NEGARA

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mengadakan Hari Terbuka Pendidikan Tinggi Negara bertempat di Lobi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Pelbagai aktiviti telah diadakan bagi memeriahkan program ini seperti gallery walk, pameran serta sesi perbincangan dan perkongsian berkenaan agenda reformasi pendidikan tinggi. Politeknik Nilai adalah antara institusi pendidikan tinggi yang telah dijemput untuk hadir bersama-sama meraikan dan memeriahkan program tersebut. Seramai 43 orang pelajar semester 1 - 5 telah turut hadir menyokong program tersebut. Majlis Perasmian Penutupan Hari Terbuka Pendidikan Tinggi Negara telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri bertempat di Dewan Za'ba, KPT, Putrajaya.



Politeknik Nilai turut bersama-sama menyertai Pameran Kerjaya 'Career For Me' sempena Karnival Jaafarian SMK Taman Tuanku Jaafar tahun 2023 bertempat di Dewan Serbaguna, SMK Taman Tuanku Jaafar, Seremban.



Melalui pameran ini, ibu bapa dan calon pelajar boleh mendapatkan informasi dan maklumat lengkap mengenai peluang menyambung pengajian ke Politeknik dan Kolej Komuniti. Pelbagai program menarik berteraskan TVET ditawarkan di POLYCC mengikut minat dan bidang yang pelajar minati.

BUAL BICARA "HALAL AND GREEN IN RETAILING"



Program ini menampilkan dua orang penceramah jemputan yang berkecualan dalam bidang halal dan peruncitan hijau. Slot pertama telah disampaikan oleh Puan Saadiatul binti Ibrahim, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan pengisian berkaitan *Sustainable Development Goals* (SDG). Manakala Slot kedua pula oleh Prof. Dr. Che Wan Jasimah binti Wan Mohamed Radzi, Jabatan Pengajian Sains dan Teknologi, Universiti Malaya (UM) bertajuk Isu Terkini Tentang Makanan Halal di Pasaran.

MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN PENGHARGAAN KEPADA ANAK CEMERLANG SPM TAHUN 2020

Tahniah kepada Dr. Norazwa binti Ahmad Zolkifli @ Uda dan Pn. Syamila binti Mohd Shah atas kejayaan anak mendapat keputusan cemerlang dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2022. Kejayaan ini telah diraikan di Majlis Penyampaian Sumbangan Penghargaan kepada anak-anak ahli PUSPANITA di Dewan Za'ba, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Majlis ini dianjurkan oleh Biro Pendidikan dan Pembangunan Keluarga PUSPANITA Cawangan KPT.



TAHNIAH DAN SELAMAT MAJU JAYA



TAWARAN HLP SAMBUNG PENGGAJIAN



TAWARAN PERTUKARAN



TAHNIAH DI ATAS LANTIKAN



PROGRAM PERKONGSIAN PENGGUNAAN PERALATAN DAN KEPAKARAN

Perkongsian Penggunaan Peralatan dan Tenaga Pengajar telah diadakan di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM). Ianya merupakan program kerjasama antara Kolej Vokasional Ampangan dan Politeknik Nilai. Seramai 15 orang pelajar Sijil Vokasional Malaysia (SVM) bersama seorang pensyarah pengiring Cik Nurdia telah hadir bagi siri ketiga program perkongsian ini.



Program ini dijalankan bagi memenuhi keperluan salah satu kompetensi Unit Sijil Kemahiran Malaysia Bidang Operasi Pemesinan Tahap 2 (MC-050-2:2013) dan Tahap 3 (MC-050-3:2015). Perkongsian ini telah disampaikan oleh Ts. Khairul Nizam bin Kamarudin, Ketua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal Politeknik Nilai.

BENGKEL IOT PROGRAM *INNOPRENUR* POLYCC MELAKA DAN NEGERI SEMBILAN

Bengkel *Internet of Things & Digital Marketing* telah diadakan di Kolej Komuniti Jasin sebagai persediaan Pertandingan *Business Innovation & Entrepreneurship Competition 2023* yang bakal diadakan pada 8 Nov 2023.

Program ini merupakan pertandingan inovasi di mana Politeknik Nilai telah menghantar 4 orang pelajar daripada Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri (JAB) iaitu Siti Aishah binti Samsudin, Thanusha a/p Suntharajan, Nur Akmal Batrisyia binti Mohd Anuar dan Nurfaeliyana a/p Ramun yang dibimbing oleh 2 orang mentor iaitu Puan Irmawati Akma binti Abdul Hapiz dan Puan Norshafiqah binti Salim.

Pelajar perlu menjual produk inovasi yang dihasilkan di samping mengaplikasikan segala ilmu yang dipelajari sepanjang bengkel termasuk pemasaran digital melalui media Tik Tok, Instagram dan penggunaan App Ezcashbook.



PERTANDINGAN *POLYTECHNIC STUDENTS TRADING CHALLENGE* (POLYSTRAC)



Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS) telah menganjurkan Pertandingan *Polytechnic Students Trading Challenge* (POLYSTRAC) Peringkat Kebangsaan yang berlangsung selama 13 hari. Seramai 5 orang pelajar Politeknik Nilai dari Program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB) telah mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut di mana para pelajar perlu membuat aktiviti pelaburan di Bursa Malaysia menggunakan aplikasi Bursa MKTPLC selama 10 hari.

Para pelajar dibimbing oleh 2 orang Jurulatih iaitu Pn. Fakilah Anurul binti Mohd Azli Navamohan dan En. Zul Aizat bin Hamdan dalam pertandingan ini. Tahniah dan syabas buat Fariszul Harith bin Mazlan dari DIB5 telah berjaya mendapat **TEMPAT PERTAMA** dalam pertandingan ini yang mana beliau telah memenangi wang tunai sebanyak RM200. Manakala Nurul Athirah binti Daud dan Ummie Aina Betrisya binti A. Zailani dari DIB4 berjaya mendapat tempat 5 dan 6. kedua-duanya membawa pulang wang saguhati sebanyak RM50 setiap seorang.



KURSUS PERSIJILAN PROFESIONAL: *PROFESSIONAL HALAL TRAINING PROGRAMME-CERTIFICATE OF PROFESSIONAL HALAL EXECUTIVE SERIES (PHEP)*

Pensijilan *Halal Executive* ini adalah satu program yang membantu pensyarah terutamanya dalam usaha meningkatkan lagi penguasaan dalam kemahiran pengendalian sijil halal. Menerusi program ini, pensyarah yang hadir dapat membentuk modal insan yang komprehensif serta memenuhi keperluan industri Halal, menghasilkan graduan eksekutif halal yang kompeten dan membantu dalam melahirkan lebih banyak syarikat pengusaha makanan yang patuh Syariah dan standard yang telah ditetapkan.



Sijil *Halal Executive* ini diperkenalkan dan penting bagi badan pensijilan seperti JAKIM dan juga industri kerana mereka yang akan menyelaras dan memantau sistem jaminan halal (*Halal Assurance System (HAS)*) syarikat selain daripada pihak autoriti. Adalah mustahil bagi pihak autoriti seperti JAKIM untuk memantau kesemua ribuan syarikat yang telah dipersijilkan halal. Disebabkan itu, tugas tersebut diberikan kepada *Halal Executive* sebagai '*Extended Version*' kepada JAKIM

KURSUS PERSIJILAN PROFESIONAL: *GOOGLE CERTIFIED EDUCATOR LEVEL 2*

Kursus ini dijalankan bagi meningkatkan kaedah serta mutu pendidikan secara lebih kreatif dan berinovasi di samping mempertingkatkan lagi prestasi kerja mereka bagi mencapai tahap yang lebih profesional dan berkualiti berasaskan keperluan pihak pengurusan jabatan.



Di akhir program ini, diharap agar peserta kursus yang telah berjaya menerima sijil pentauliahan profesional bertaraf antarabangsa ini agar dapat memberi pendedahan dan sumbangan secara perkongsian ilmu bersama pensyarah lain.

PROGRAM 'NASI LEMAK, KOPI 'O' BERSAMA AMP

Pengarah Politeknik Nilai, Tuan Haji Wan Zulkifly bin Wan Zakaria bersama Ahli Mesyuarat Pengurusan Politeknik Nilai telah meluangkan masa bersarapan pagi sambil membeli bersama inkubator Unit Keusahawanan Politeknik Nilai di Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri. Aktiviti bermula dari Courtyard Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri dengan menuai hasil salad, melawat rumah cendawan, memetik anggur dan berakhir dengan bersarapan di *Vineyard Edugarden@PNS*.



PERKONGSIAN KEPAKARAN INDUSTRI (PKI): KAEDAH PENYELENGGARAAN MESIN CNC DAN EDM

Program Perkongsian Kepakaran Industri ini telah dirancang dengan menggunakan modul yang dibangunkan oleh Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan, CIAST iaitu Perkongsian Kepakaran Industri (PKI) di Institusi Latihan TVET (Awam) sebagai rujukan.



Pelaksanaan program ini juga adalah sebagai persediaan bagi pelantikan Panel Penasihat Industri yang baharu daripada Syarikat AXIS Engineering and Resources Sdn Bhd bagi Program Diploma Kejuruteraan Mekanikal (DKM) di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) Politeknik Nilai Negeri Sembilan.



PROGRAM LAWATAN SAMBIL BELAJAR



Tujuan lawatan ini adalah bagi memenuhi keperluan kursus untuk melaksanakan lawatan (*site visit*) dan mendapatkan maklumat mengenai proses pengendalian lepas tuai bunga segar, strategi pemasaran dan teknik dekorasi bunga segar.



PROGRAM CSR BERSAMA HOMEPRO MALAYSIA

HomePro IOI Mall Putrajaya merupakan rakan kolaborasi program DRM telah menjemput seramai 10 orang pelajar semester 4 dari Program Diploma Pengurusan Peruncitan (DRM) Politeknik Nilai untuk menyertai Program Jualan Gudang "*Members Day Sales*". Pelajar didedahkan dengan aktiviti jualan dan promosi secara praktikal. Pelajar diberi elaun dan sijil penyertaan bagi program ini. Maklum balas pelajar terhadap program ini sangat memberangsangkan kerana mereka dapat meningkatkan kemahiran dan ilmu bagi persiapan ke Latihan Industri kelak.



MAJLIS KONVOKESYEN POLITEKNIK NILAI NEGERI SEMBILAN KALI KE-11 TAHUN 2023



Majlis Konvokesyen pada kali ini bertemakan 'Graduan TVET Peneraju Pembangunan Negara Madani'. Sesi Sidang 2 telah menjemput khas Prof. Log. Ts. Dr. Othman bin Ibrahim, Vice President, Chairman of Corporate Strategy, ISO & Governance Committee, CILT Malaysia untuk menyampaikan skrol kepada 334 orang graduan iaitu 228 orang daripada Jabatan Perdagangan, 32 orang daripada Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan 74 orang daripada Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri.

Turut hadir menyokong majlis ini adalah Ts. Dr. Haji Azhar bin Mohamad, Pengarah Bahagian Agroteknologi dan Biosains, Agensi Nuklear Malaysia. Tahniah kepada semua graduan yang terlibat.

BENGKEL PEMBANGUNAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI PRODUK *IOT FOR E-HAILING*


Penceramah bengkel adalah dari AlHejrah Resources iaitu Dr. Nor Izzah binti Haji Abdul Aziz. Beliau juga telah meluangkan masa pada 31 Oktober 2023 untuk sesi bedah buku '*Mudahnya Inovasi*'. Maklum balas pelajar adalah memberangsangkan dan sangat positif terhadap pengisian bengkel tersebut. Diharapkan peserta dapat meningkatkan pengetahuan dan pengalaman dalam bidang inovasi *e-hailing*. Pembudayaan budaya inovasi ini sangat perlu bagi memberikan impak yang baik kepada peserta Politeknik Nilai khususnya.



PROGRAM PEMBANGUNAN PROJEK BERASASKAN *INTERNET OF THINGS (IOT) – 4IR*



Program Pembangunan Projek Berasaskan *Internet of Things (IoT) – 4iR* anjuran Diploma in Retail Management (DRM), Jabatan Perdagangan telah diadakan selama 2 hari bertempat di Bilik Kuliah Teknologi, Politeknik Nilai.



Bengkel ini bertujuan untuk memberi pendedahan IoT kepada pelajar dan juga pensyarah penyelia berkaitan dengan pembangunan projek berasaskan penerapan *Internet of Things (IoT)* bagi kursus DPR50113 *Retail Project* serta kolaborasi bersama komuniti runcit di sekitar Politeknik Nilai dalam menambah baik perniagaan untuk lebih berdaya saing di industri.

BENGKEL PENGURUSAN DAN PELAPORAN *LEAN* TAHUN 2023



Bengkel Pengurusan dan Pelaporan *Lean* tahun 2023 telah diadakan bertempat di Bilik Komputer, Pusat Sumber Politeknik Nilai. Bengkel ini dihadiri oleh 18 orang Penyelaras *Lean* Jabatan/Pusat/Unit. Semoga dengan pelaksanaan bengkel ini dapat meningkatkan pengetahuan Penyelaras *Lean* dan seterusnya mengamalkan Pengurusan *Lean* dalam jabatan/pusat/unit masing-masing dengan lebih baik dan efisien.

PROGRAM CABAR DIRI INSPIRASI ANDA



Program Cabar Diri Inspirasi Anda telah dijalankan di bawah anjuran Unit Pengurusan Psikologi (UPPsi) bersama Pembimbing Rakan Siswa, Politeknik Nilai (PRS PNS)

Objektif program ini adalah untuk menguji tahap pendirian peserta dalam membuat segala pilihan melalui cabaran yang disediakan dalam aktiviti latihan dalam kumpulan



PROGRAM MECHANICAL WEEK 2023



Program *Mechanical Week 2023* adalah pengisian yang bersifat holistik disasarkan kepada semua peringkat pelajar Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM), Politeknik Nilai merangkumi pertandingan yang bersifat ilmiah. Yang merangsang daya pemikiran dan mampu berfikir secara kritikal.

TEAM BUILDING LEARNING TO RELAX PROGRAMME

Pelajar-pelajar telah diajar sedikit sebanyak tentang pendedahan diri mengenai kepentingan membangunkan kemahiran kepimpinan dalam diri mereka dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan, diterapkan dengan elemen kepimpinan dan kemahiran insaniah.



SEMINAR TEKNIK MENJAWAB PEPERIKSAAN MUET SESI 3/2023



Unit Bahasa Inggeris, Jabatan Pengajian Am telah mengadakan Semibar Teknik Menjawab Peperiksaan MUET Sesi 3/2023 bagi calon Politeknik Nilai yang akan menduduki Peperiksaan MUET. 2 orang penceramah berpengalaman iaitu En. A. Vigneswaran dan Pn. Saresvathy telah dijemput bagi menyampaikan sedikit perkongsian tentang tips serta teknik menjawab komponen Peperiksaan MUET iaitu *Listening, Reading, Writing & Speaking*



ENTREPRENEURSHIP TALK



Biro Pendidikan dan Biro Keusahawanan PUSPANITA Politeknik Nilai telah menganjurkan satu program bagi memberi peluang semua ahli PUSPANITA menjana pendapatan sampingan. Antara penceramah jemputan adalah Dato' Seri James Wong (*Founder Consortium of Malaysian Universities*), Mr. Loh Chien Sern (*Master Dealer XOX*), Mr. Linus (*Top Leader Malaysia 2023 Melaleuca*), Lego Shum (*Founder WeKongsi*) dan Pn. Wan Farah binti Akmal (Unit Manager Akilah Group (AIA) MDA Agency).



TEAM BUILDING LEARNING TO RELAX PROGRAMME

Unit Bahasa Inggeris, Jabatan Pengajian Am (JPA) bersama Jabatan Matematik dan Sains Komputer (JMSK) telah mengadakan lawatan akademik sambil belajar ke TUDM Subang.



KONVENSYEN KEPIMPINAN MAHASISWA MADANI POLYCC 2023




Konvensyen ini telah dianjurkan oleh Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (BAPP, JPPKK) bersama Politeknik Ungku Omar (PUO) dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) selama 4 hari di Dewan Jubli Perak, Politeknik Ungku Omar dan Parlimen Tambun. Politeknik Nilai diwakili oleh YDP Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan dua orang pelajar Pembimbing Rakan Siswa (PRS)



PROGRAM BICARA PSIKOLOGI SIRI III 2023: PSIKOPENDIDIKAN "*MASKED NARCISSISTIC: HOW TO DEAL ABD FACE WITH IT*"

Program Bicara Psikologi Siri III 2023: Psikopendidikan ini telah membawakan topik bertajuk "*Masked Narcissistic : How to Deal and Face with it*" yang diadakan secara dalam talian menggunakan platform Webex. Ceramah ini telah disampaikan oleh En. Hairol Kamal bin Haji Ab. Rahman, Pegawai Psikologi Kaunseling, Hospital Rehabilitasi Cheras.



PROGRAM *BUSINESS OPPORTUNITY CARNIVAL 2.0*

Program ini telah menghimpunkan lebih 28 gerai usahawan pelajar yang terdiri daripada pelajar subjek keusahawanan MPU22012 *Entrepreneurship*, DPU30013 *Digital Entrepreneurship*, DPR30043 *Retail Operation 1* serta inkubator keusahawanan pelajar. Terdapat lebih dari 50 menu jualan yang telah diniagakan sepanjang program ini berlangsung. Di samping itu turut diadakan sesi ceramah bertajuk '*Social Media Marketing*' yang telah disampaikan oleh penceramah jemputan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr. Norngainy binti Mohd Tawil dan ceramah Cara-Cara Menjadi Usahawan yang disampaikan oleh Puan Noor Fadhlina binti Haji Hussin, Pengurus Seksyen Operasi, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Negeri Sembilan.



BENGKEL KERJA PENJAJARAN KURIKULUM, KURSUS INTEGRITI DAN ANTI RASUAH (KIAR) BIL. 2/2023

Bengkel ini telah dianjurkan oleh Bahagian Kurikulum, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (BK, JPPKK) dan Jabatan Pengajian Am (JPA), Politeknik Nilai telah dilantik sebagai urus setia bengkel tersebut



PROGRAM LOGISTICS HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT OF INTENSIVE COURSE ON LOGISTICS OPERATIONS AND NETWORKING 2023

Program ini merupakan anjuran Sagawa Holdings (SGH) Group Foundation dan Ministry of Land, Infrastructure, Transport and Tourism, Japan (MLIT Japan) dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dan Bahagian Ambilan & Pembangunan Pelajar, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (BAPP, JPPKK). Politeknik Seberang Pera (PSP) telah dipilih untuk menjadi pengelola bagi program ini.



PROGRAM WARM THEIR WINTER 2

Politeknik Nilai telah turun padang sekali lagi untuk bersama SyriaCare dalam Program *Warm Their Winter* di Dewan Melati, Seksyen 7, Shah Alam yang bermula 14 - 22 Oktober 2023 (Sabtu - Ahad). Hari ini adalah hari kedua Politeknik Nilai bersama membantu mengumpul dan membungkus pakaian musim sejuk untuk rakyat Syria yang hidup dalam keadaan susah.



PROGRAM GOTONG ROYONG PERDANA PUSAT ISLAM AL - KAUTHAR POLITEKNIK NILAI

Program Gotong Royong Perdana Pusat Islam Al - Kauthar telah dilaksanakan mengikut pembahagian kawasan dan jabatan. Program ini bagi meningkatkan aspek kebersihan dan keceriaan di Pusat Islam Al - Kauthar



MAJLIS KESYUKURAN POLITEKNIK NILAI

Majlis Kesyukuran Politeknik Nilai telah diadakan di Pusat Islam Al - Kauthar bersempena selesainya beberapa program besar di Politeknik Nilai, antaranya Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri (PRU, DUN) dan Majlis Konvokesyen Politeknik Nilai kali ke-11. Aktiviti gotong-royong memasak telah bermula sejak jam 10.00 pagi yang diketuai sendiri oleh Tuan Pengarah, Haji Wan Zulkifly bin Wan Zakaria dibantu bersama oleh semua Warga Politeknik Nilai. Aktiviti diteruskan dengan tazkirah ringkas oleh Tuan Pengarah pada jam 12.00 tengah hari.



KURSUS *UPSKILLING TISSUE CULTURE* BAGI PENSYARAH DIPLOMA BIOTEKNOLOGI

Kursus ini telah disampaikan dan dikendalikan oleh Prof Madya Dr. Noor Baity binti Saidi dan Cik Ong Jia Xin daripada Fakulti Bioteknologi dan Sains Molecular, Universiti Putra Malaysia (UPM).



Antara kandungan kursus ini adalah pendekatan asas holistik kultur tisu secara in vitro, penyediaan media kultur, teknik pensterilan eksplan dan teknik aseptik kultur tumbuhan.



Melalui penganjuran kursus ini diharapkan dapat meningkatkan dan memantapkan lagi pengetahuan serta kemahiran kultur tisu semua peserta yang terlibat.

PERTANDINGAN INOVASI PENSYARAH TVET 2023 PERINGKAT KEBANGSAAN (PERISA'23)

Tahniah dan syabas kepada 3 orang pensyarah Politeknik Nilai kerana telah menyertai dan berjaya dalam pertandingan PERISA'23.



BENGKEL *DEMONSTRASI FROM OIL TO SOAP*

Bengkel ini telah dianjurkan oleh Jabatan Pengajian Am (JPA) bertempat di Bilik Kuliah 1, Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL). Bengkel telah disampaikan oleh Penceramah berpengalaman, Puan Irmawati Akma binti Abdul Hapiz, Pensyarah Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri (JAB).



Bengkel ini diadakan bagi memenuhi KPI jabatan untuk Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) dan Unit Teknologi Hijau (UTH).

PROGRAM CSR SUMBANGAN KOMPUTER TERPAKAI

Program CSR Sumbangan Komputer Terpakai ke sekolah melibatkan penyerahan sebanyak 48 unit Desktop dan 17 unit Laptop terpakai ke tiga buah sekolah rendah yang terpilih di sekitar Politeknik Nilai.



Sekolah yang terlibat adalah Sekolah Kebangsaan Sekolah Menengah LB Johnson, SMK Kompleks KLIA dan Sekolah Menengah Desa Jasmin, Nilai.

Seramai 21 orang staf Politeknik Nilai telah terlibat secara sukarela dalam program ini. Mereka terlibat dalam proses penghantaran dan penempatan semula peralatan tersebut di makmal-makmal komputer yang telah dikenal pasti oleh pihak sekolah.



MAJLIS MENANDATANGANI SIJIL KOLABORASI STRATEGIK

Majlis Menandatangani Sijil Kolaborasi Strategik telah berlangsung di Bilik Raflesia, Politeknik Nilai di antara Politeknik Nilai dengan Axis Engineering & Resources, TVETPreneur Group (M) Sdn Bhd, Emas Impresif Sdn Bhd dan World Education Placement Services (WEPS) Sdn Bhd. Majlis ini sangat memberi makna kepada seluruh warga Politeknik Nilai kerana majlis ini memberikan manfaat jangka pendek dan jangka panjang hubungan dua hala yang akan terjalini.



Diharapkan agar semua program dan aktiviti yang dirancang akan dapat dilaksanakan dengan baik demi mencapai objektif yang diharapkan dan seterusnya memberi manfaat kepada seluruh warga Politeknik Nilai khususnya para pelajar dan pensyarah Politeknik Nilai.



**JADIKAN AKHIRAT
DI HATIMU,
DUNIA
DI TANGANMU
DAN
KEMATIAN
DI PELUPUK MATAMU**

Imam Syafi'i

GLOBAL HIGHER EDUCATION FORUM 2023 (GHEF 2023) "EQUITY RECOVERY" HIGHER EDUCATION IN THE POST - PANDEMIC ERA



Politeknik Nilai telah mempamerkan set terbaru Smart Urban Farming Monitoring (SUFM ver.1), Garden Solar Ganaretor (GSor) dan NFT Smart Kit. Pegawai yang terlibat ialah En. Mohd Saifuddin bin Ahmad, Dr. Ahmad Razimi bin Mat Lazim dan En. Muhammad Amir bin Ridhwan serta beberapa orang pelajar Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM). Selain dari Politeknik Nilai, Politeknik Sultan Salahuddin Abd Aziz Shah, Politeknik Banting dan Kolej Komuniti Selayang juga dijemput sebagai pempamer pada program tersebut dan diuruskan oleh Pusat Pembangunan Inovasi (PPI), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK).

PAMERAN SEMPENA KARNIVAL PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL SMK NILAI IMPIAN

Bidang Teknik dan Vokasional SMK Nilai Impian telah mengadakan Program Karnival Pendidikan Teknik dan Vokasional. Politeknik Nilai telah terlibat dengan aktiviti Ice Breaking, Energizer serta Bengkel praktikal bagi Asas Arduino.



Bengkel tersebut diselaraskan mengikut silibus bagi RBT sekolah. Seramai 7 orang kakitangan dan 16 orang fasilitator yang terdiri daripada pelajar Politeknik Nilai telah berjaya melaksanakan aktiviti kali ini bersama - sama seramai lebih kurang 160 orang pelajar tingkatan 2.

PROGRAM *EMBRACING FUTURE LEADERS*

Program ini telah dikendalikan oleh Penceramah luar iaitu En. Mohd Fauzi bin Md Fadzil. Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang program tersebut antaranya komunikasi berkesan, kepentingan menguasai ilmu dan kerjasama dalam kumpulan.



TAHNIAH DAN SELAMAT MAJU JAYA

TAWARAN HLP SAMBUNG PENGGAJIAN



SYABAS DAN TAHNIAH



TAWARAN

PELANTIKAN DAN PERTUKARAN

Salam perpisahan dan Selamat Maju Jaya kepada Dr. Noriah binti Abdul Malek @ Malek, Pensyarah Utama Jabatan Pengajian Am yang telah bertukar pindah berkuat kuasa pada 1 November 2023 (Rabu). Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas segala sumbangan dan jasa bakti beliau sepanjang berkhidmat di Politeknik Nilai. Pihak Politeknik Nilai juga mengucapkan tahniah di atas pelantikan beliau sebagai Pengarah Kolej Komuniti Selayang. Semoga terus cemerlang di tempat baharu.

PROGRAM PSH FORKLIFT SAFETY HANDLING COURSE



Program yang dilaksanakan secara dalam talian (Google Meet) ini telah menjemput penceramah yang berpengalaman, Dr. Barhanuddin bin Khalil, Pengarah/Instructor FB Training & Consultant).




BENGKEL ANALISIS PROKSIMAT MAKANAN

Satu Bengkel Analisis Proksimat Makanan telah diadakan di Jabatan Teknologi Kimia dan Makanan Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail (PTSN) dan dianjurkan oleh Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri, Politeknik Nilai. Seramai 14 orang peserta yang terdiri daripada pensyarah, staf dan pelajar Diploma Bioteknologi telah menghadiri bengkel ini.



PROGRAM DBS BERSAMA INDUSTRI TAHUN 2023: WEBINAR PEMBANGUNAN APLIKASI MOBILE

Webinar Pembangunan Aplikasi Mobile ini telah diadakan secara dalam talian menggunakan platform google meet. Webinar ini melibatkan pelajar kelas DBS 5 & DBS 6 Politeknik Nilai dan DBS 5 Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS). Penceramah jemputan adalah En. Muhammad Kamarulzaman bin Mohd Azli dari MKZ Global Resources.



PROGRAM INISIATIF BELIA SEJAHTERA: KEM BELIA SEJAHTERA (KBES) TAHUN 2023 PERINGKAT NEGERI SEMBILAN

Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sembilan telah melaksanakan Program Inisiatif Belia Sejahtera: Kem Belia Sejahtera (KBES) tahun 2023 Peringkat Negeri Sembilan. Program ini merupakan salah satu inisiatif Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dalam membendung gejala sosial di kalangan golongan belia. KBES merupakan sebahagian daripada pelaksanaan inisiatif Belia Sejahtera yang merupakan satu gagasan intervensi sosial belia. Seramai 5 orang pelajar Politeknik Nilai telah hadir dalam program yang berlangsung selama 3 hari itu di PD Training Camp, Port Dickson.



PROGRAM PENGURUSAN PROJEK PELAJAR

Pelajar telah membuat lawatan akademik ke Yakult Malaysia Factory Seremban di mana pelajar dapat mempelajari sejarah produk Yakult dan proses pembuatan produk Yakult. Dalam masa yang sama pelajar juga mendapat input dari segi manfaat produk tersebut dari segi kesihatan. Pada sebelah petang, pelajar-pelajar melaksanakan aktiviti bersukan di Pantai Saujana, Port Dickson.



Pelajar mempelajari cara-cara pengurusan sesebuah program di kalangan rakan sekelas. Ujian program ini adalah untuk melaksanakan tugas Mini Project bagi kursus DPB10063 Principles Of Management serta mencapai kepada CLO2. Program ini juga turut memberi pengalaman kepada pelajar dalam menguruskan aktiviti yang dirancang serta hubungan baik dengan pihak industri.

PERHIMPUNAN SOLIDARITI PALESTIN PERINGKAT ZON NEGERI SEMBILAN

Perhimpunan ini merupakan tanda manifestasi sokongan solidariti untuk Palestin yang kini berhadapan dengan kesukaran susulan isu pertempuran Israel-Palestin. Inisiatif ini juga adalah usaha dalam membangunkan mahasiswa yang holistik mencakupi pelbagai aspek kehidupan bukan sekadar cemerlang daripada segi intelektual dan berkemahiran tinggi bahkan cakna dengan isu sejagat yang bakal membentuk jati diri mahasiswa sebagai modal insan berharga negara".

Tabung Palestin PNS telah dilancarkan oleh Tn. Haji Wan Zulkifly bin Wan Zakaria bagi membolehkan sumbangan dari warga politeknik itu dikumpulkan sebelum kutipannya diserahkan kepada Tabung Khas Bantuan untuk Palestin yang diselaraskan oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK).



PROGRAM *FOODBANK* POLITEKNIK NILAI

Jabatan Hal Ehwal Pelajar meneruskan Program Foodbank di Politeknik Nilai. Lokasi Foodbank terletak di lobi Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan di semua jabatan akademik. Warga Politeknik Nilai yang ingin berkongsi rezeki dengan pelajar boleh meletakkan barang - barang makanan dan minuman di dalam almari Foodbank yang telah disediakan.

Warga Politeknik Nilai yang ingin berkongsi rezeki dengan pelajar boleh meletakkan barang - barang makanan dan minuman di dalam almari Foodbank yang telah disediakan.



PROGRAM PENANDAARASAN POLITEKNIK METRO KUALA LUMPUR (PMKL) KE KODAI.MY

Program Penandaarasan Politeknik METRo Kuala Lumpur (PMKL) ke Kodai.My telah diadakan bagi merancang ruang Retail Simulation Store (RSS) di PMKL. Ianya adalah untuk memenuhi keperluan kurikulum DRM.

Delegasi Politeknik METRo Kuala Lumpur (PMKL) ini melibatkan 7 orang pensyarah PMKL dan seorang wakil daripada Bahagian Kurikulum JPPKK. Antara aktiviti penandaarasan ini adalah diskusi berkaitan kursus-kursus DRM yang dijalankan di Kodai.My dan pengurusan Kodai.My oleh pelajar DRM4.



PROGRAM PENANDAARASAN POLITEKNIK PORT DICKSON KE POLITEKNIK NILAI

Program Penandaarasan Politeknik Port Dickson ke Politeknik Nilai telah diadakan di Dewan Kuliah Utama, Pusat Islam Al - Kauthar dan sekitar kampus Politeknik Nilai. Delegasi Politeknik Port Dickson (PPD) ini melibatkan 28 orang pelajar Jawatankuasa Pelajar Kolej Kediaman (JPKK). Antara aktiviti penandaarasan ini adalah Diskusi bersama JPKK dan Felo Politeknik Nilai, Lawatan sekitar kampus dan Sesi Refleksi.



PROGRAM PENGURUSAN PROJEK PELAJAR POLITEKNIK NILAI

Jabatan Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan (JSKK) telah mengadakan Program Pengurusan Projek Pelajar Politeknik Nilai 2023 di Gunung Angsi yang melibatkan seramai 40 orang pelajar dan 4 orang staf Politeknik Nilai.

Objektif projek ini merupakan Pengurusan Principal of Management, Jabatan Perdagangan iaitu mengendalikan aktiviti riadah luar dengan mendaki Gunung Angsi secara berkumpulan.



PROGRAM PEMBANGUNAN PROJEK BERASASKAN *INTERNET OF THINGS (IOT) – 4IR (SESI 2)*

Program Pembangunan Projek Berasaskan Internet of Things (IoT) – 4iR Sesi 2 di bawah anjuran Diploma in Retail Management (DRM), Jabatan Perdagangan telah diadakan selama 2 hari bertempat di Bilik Kuliah Teknologi 4, Politeknik Nilai. Penceramah bengkel ini adalah Encik Mohd Taufik Rezza bin Mohd Foudzi dan dihadiri oleh 19 orang pelajar DRM5 dan 5 orang pensyarah penyelia projek akhir. Para peserta telah membangunkan pengaturcaraan asas Arduino dengan jayanya.



MAJLIS PENTAULIAHAN BRIGED BOMBA POLITEKNIK MALAYSIA

Majlis Pentauliahan Briged Bomba Politeknik Malaysia telah berlangsung di Politeknik Seberang Perai di mana ianya melibatkan pelajar dan pegawai daripada Politeknik Nilai.

Tahniah dan syabas kepada Ketua Komandan Briged Bomba Politeknik Nilai, Abednego Vvert anak Robert telah dipilih sebagai Ketua komandan Kontingen Briged Bomba Politeknik Malaysia bagi Majlis Pentauliahan Briged Bomba 2023.



MAJLIS TILAWAH AL - QURAN BRAILLE 2023

Persatuan Orang - Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) dengan kerjasama Yayasan Maghfirah telah mengadakan Majlis Tilawah Al - Quran Braille 2023. Program ini bertujuan untuk memberi galakan kepada masyarakat untuk membaca Al - Quran dalam tulisan Braille dan menyantuni golongan kurang upaya membaca Al - Quran dengan menggunakan tulisan Braille

Program tersebut telah diadakan di Zecon Hotel Kuala Lumpur dan pelajar Politeknik Nilai iaitu Ayu Afini binti Jumat dari kelas DBS3A telah terlibat dalam program tersebut sebagai sukarelawan.



PROGRAM MEMBANTU STAF POLITEKNIK NILAI MEMILIKI 'KASUT KESIHATAN MEDIFEET'

PUSPANITA melalui Biro Keusahawanan telah mengadakan Program membantu staf politeknik Nilai bagi memiliki 'Kasut Kesihatan' bersama MediFeet. Kaedah bayaran yang dibuat oleh PUSPANITA adalah 'AMBIL DULU'.

Bayaran Ansuran sebanyak 3 kali kepada PUSPANITA Politeknik Nilai. Semoga usaha PUSPANITA ini dapat membantu masalah kesihatan staf Politeknik Nilai. Tuan Pengarah turut menyokong usaha murni yang dibuat oleh PUSPANITA dengan membeli produk tersebut.



BIOTECHNOLOGY STUDENT'S PROJECT AND RESEARCH KNOWLEDGE SEMINAR 2023

Sebanyak 12 kumpulan telah membentangkan kertas cadangan penyelidikan dan inovasi dan 16 kumpulan membentangkan keputusan akhir penyelidikan dan inovasi.



Penilai terdiri daripada 4 orang panel luar dan 3 orang panel dalaman. Diharapkan seminar yang berlangsung dapat memberi pendedahan potensi pelajar dalam bidang penyelidikan dan inovasi dan seterusnya membuka peluang untuk proses pengkomersialan pada tahap lebih tinggi.

BENGKEL CELIK KALKULATOR DAN TEKNIK MENJAWAB SOALAN PEPERIKSAAN AKHIR

Bengkel Celik Kalkulator dan Teknik Menjawab Soalan Peperiksaan Akhir telah dilaksanakan untuk menyampaikan kemahiran kepada pelajar mengenai penggunaan kalkulator saintifik dengan cara yang betul.



Teknik Menjawab Soalan Peperiksaan Akhir dilaksanakan untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang teknik menjawab soalan peperiksaan akhir dengan betul. Dengan Teknik Menjawab Soalan Peperiksaan Akhir, pelajar diajar cara penulisan jawapan yang betul berserta dengan pemarkahan bagi soalan.

PERTANDINGAN *SPEAKERS' CORNER*

Jabatan Pengajian Am (JPA) telah menyertai program Speakers' Corner bagi kategori Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris bersempena penganjuran Simposium Kos Sara Hidup (SCOL) tahun 2023. Politeknik Nilai telah menghantar 2 orang peserta iaitu Muhammad Zafirul Arif bin Abd Razak bagi kategori Bahasa Melayu dan Danial Hakimi Noorazyze bin Kamarul Ariffin Noorazyze bagi kategori Bahasa Inggeris.



KURSUS 3 WEEKS ANOTHER LANGUAGE (BAHASA MANDARIN)

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah mengadakan Kursus Bahasa Mandarin di Dewan Kuliah Utama, Politeknik Nilai. Kursus ini terbuka kepada semua pelajar Politeknik Nilai. Kursus ini telah disampaikan oleh pelajar dari Program Hortikultur Landskap (DLH), Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri iaitu Claven Boon Wu Chun.



PROGRAM PENILAIAN PELAJAR *BUSINESS INFORMATION SYSTEM*

PROJECT SESI I 2023/2024

Program DBS Jabatan Perdagangan telah mengadakan Program Penilaian Pelajar Semester 5 bagi kursus Business Information System Project yang melibatkan pelajar seramai 42 orang iaitu 11 kumpulan dan 9 orang pensyarah penyelia.



PROGRAM CSR *KEEPER KU*

Semua peserta telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan telah menjalankan tugas yang diberikan seperti membersihkan kandang haiwan, membersihkan kolam dan halaman, menyediakan makanan haiwan, merawat haiwan yang sakit, melaksanakan kerja-kerja landskap dan memberikan haiwan makan.



LAWATAN AKADEMIK PELAJAR KURSUS DYL40133 LANDSCAPE SITE DESIGN KE UIAM DAN RIVER OF LIFE, KUALA LUMPUR

Eksplorasi kampus UIAM berjalan pada sebelah pagi di mana pelajar dikehendak mengelilingi setiap kuliyyah di UIAM dan mengambil gambar bagi elemen dan prinsip yang ada sesuai dengan tema yang diketengahkan pada semester ini iaitu reka bentuk landskap kampus Politeknik Nilai.

Di sebelah petang pula merupakan sesi eksplorasi reka bentuk landskap di kawasan sekitar ROL yang menceritakan sejarah bandar Kuala Lumpur dalam bentuk artistik dan melibatkan pembangunan lestari. Adalah diharapkan menerusi lawatan akademik ini pelajar mampu mengaplikasikan pengetahuan asas berkaitan reka bentuk landskap seperti elemen dan prinsip dalam penghasilan reka bentuk landskap yang baik dan berkualiti.



PROGRAM *BOND OF LOVE*

Program ini diadakan bagi melaksanakan penilaian berterusan bagi projek kursus DPD20042 Islamic Financial System. Selain daripada itu kami juga ingin berkongsi ilmu berkaitan kewangan dan perbankan Islam bersama anak-anak yatim ini, serta merapatkan silaturrahim dan memperkasakan kemahiran kepimpinan dalam kalangan pelajar kelas DIB2.



Di samping itu, pelajar kelas DIB2 juga ingin mengambil kesempatan ini bagi menjalankan program dan sumbangan amal jariah bersama dengan anak-anak yatim tersebut melalui aktiviti serta membantu mereka dalam membangunkan intelektual supaya mereka juga berjaya seperti orang lain. Kepimpinan melalui program ini amat ditekankan dan memerlukan kerjasama serta idea yang futuristic dari kalangan pelajar kelas DIB2 agar dapat menjayakan program ini sebaiknya.

PROGRAM *"BACK TO NATURE"*

Pelajar Program Diploma Logistik dan Rantai Bekalan dari kelas DLS3A telah menganjurkan program 'Back to Nature at Pantai Saujana, Port Dickson' sebagai memenuhi keperluan Mini Projek bagi Kursus Principles of Management. Antara pengisian program adalah aktiviti dan permainan yang membolehkan pelajar berinteraksi dengan alam di kawasan pantai.

Pelaksanaan mini projek ini bertujuan memberi peluang kepada pelajar mengaplikasikan prinsip-prinsip asas pengurusan melalui tugas-tugas yang dilaksanakan bagi memastikan program berlangsung dengan jayanya.



LIBAT URUS MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) BERSAMA JABATAN HAL EHWAL PELAJAR

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Politeknik Nilai telah mengadakan sesi libat urus bersama Jabatan Hal Ehwal Pelajar bagi mengulas isu, cabaran dan masalah yang wujud di peringkat institusi bagi melancarkan urusan pentadbiran dan pengurusan Politeknik Nilai dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).



Innovation Mechanical Exhibition 2023 atau lebih dikenali sebagai INNOMEX'23 telah menyaksikan sebanyak 48 projek yang bertanding. Terdiri daripada 15 projek hasil pelajar semester akhir Diploma Kejuruteraan Mekatronik (DEM) dan selebihnya sebanyak 33 projek hasil dari pelajar semester akhir Diploma Kejuruteraan Mekanikal (DKM).

Pertandingan yang merupakan anjuran kali ke-5 Jabatan Kejuruteraan Mekanikal Politeknik Nilai ini telah menyaksikan para pelajar untuk membentangkan projek akhir mereka kepada panel akademik dan industri yang dilantik khas.



LAWATAN AKADEMIK KE HOMEPRO, IOI MALL PUTRAJAYA

Program Lawatan Akademik ke HomePro IOI Mall telah dianjurkan oleh pelajar Diploma in Retail (DRM) semester 4 bagi Kursus DPR40063 Retail Operation 2. Taklimat telah disampaikan oleh En. Ariffin dan Pn. Rohashima binti Ramli, HR Division Manager. Taklimat yang disampaikan selama 3 jam itu telah memberi banyak input baru kepada pelajar terutama berkaitan operasi peruncitan untuk diguna pakai semasa sesi pembelajaran praktikal di Kodai.my. Selain itu, hubungan kolaborasi antara Politeknik Nilai dan HomePro dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa.



PROGRAM *MISSION IMPOSSIBLE*: DRM AND SKJB

Program "Mission Impossible: DRM and SKJB" yang diadakan di Sekolah Kebangsaan Jimah Baru berjalan dengan lancar dan mendapat sambutan oleh murid murid - darjah 5 Sekolah Kebangsaan Jimah Baru.

Program ini dirasmikan oleh Puan Hajah Azura binti Harun, Guru Penolong Kanan 1 Sekolah Kebangsaan Jimah baru dan diiringi oleh Puan Yusrita binti Yusoep, Pensyarah Program Event Organizations



program ini diakan bertujuan untuk memupuk semangat kesukanan di kalangan peserta, mengeratkan hubungan silaturrahim antara peserta dan pelajar Diploma Pengurusan Peruncitan serta dapat meningkatkan semangat berpasukan antara pelajar semester 5 dalam menguruskan program dan aktiviti.



6TH INTERNATIONAL PUTRA INNOCREATIVE CARNIVAL IN TEACHING AND LEARNING (I-PICTL) 2023

Tahniah dan syabas kepada PPjR (Bersekutu) Norfazila binti Ahmad, Jabatan Pengajian Am (JPA) Politeknik Nilai kerana telah menyertai dan berjaya memperoleh **EMAS** dalam pertandingan 6th International Putra Innocreative Carnival in Teaching and Learning (I-PICTL) 2023. I-PICTL kali keenam ini telah dianjurkan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM). Inovasi yang dipertandingkan adalah Pembangunan Aplikasi Android e-RELASIS sebagai Bahan Bantu Pengajaran dan Pembelajaran bagi Kursus MPU RELASIS Politeknik Malaysia untuk kegunaan semua penyelarar, pensyarah dan pelajar Politeknik Malaysia yang menawarkan Badan Beruniform Briged RELA Siswa Siswi (RELASIS).



PROGRAM KEM KEPIMPINAN ALTRUISTIK (PKA): JELAJAH WAWASAN MAHASISWA DARIPADA NEGARA (J-NERAL) PERINGKAT NEGERI SEMBILAN

Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sembilan telah melaksanakan Program Kem Kepimpinan Altruistik (PKA): Jelajah Wawasan Mahasiswa Daripada Negara (J-NERAL) Peringkat Negeri Sembilan.



Program ini merupakan salah satu inisiatif Kementerian Belia Sukan dan kerjasama (i-LEAD) dalam mencungkil bakat kepimpinan di kalangan golongan belia Negeri Sembilan



PROGRAM HARI KOMUNITI PLUS 2023

PLUS telah melancarkan Program Hari Komuniti PLUS di sepanjang jajaran Lebuhraya Plus dan LPT2. Program ini merupakan inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) syarikat di mana program ini untuk menunjukkan komitmen kepada masyarakat dan turut meningkatkan kualiti kehidupan komuniti. Program ini bertemakan 'Memperkasakan Komuniti Selamat dan Lestari'.



Program ini juga bertujuan untuk meningkatkan pengalaman sendiri dan sosial dengan penglibatan diri dalam projek - projek komuniti yang dijalankan, selain itu pelajar berpeluang mempertingkatkan semangat berpasukan serta ciri - ciri kepimpinan yang memberi impak signifikan kepada kehidupan komuniti.



INTERNATIONAL CONFERENCE ON CONTEMPORARY ISLAMIC STUDIES 2023 (ICIS 23)

Tahniah diucapkan kepada Ustazah Rosmawati binti Razak, Jabatan Pengajian Am (JPA) di atas kejayaan mendapat tempat **KETIGA** dan Augerah **EMAS** di International Conference on Contemporary Islamic Studies 2023 (ICIS 23). Inovasi yang dipertandingkan adalah aplikasi i-Smart Qari yang dibuat penambahan dengan inovasi fizikal iaitu makhraj game board.



PUBLIC SPEAKING COMPETITION ANJURAN BERSAMA LIONS CLUB OF NILAI CENTENNIAL, NILAI UNIVERSITY DAN BE MY PROTECTOR

Lions Club of Nilai Centennial, Nilai University dan Be My Protector telah menganjurkan Pertandingan Public Speaking bertemakan Negeri Sembilan State Level Crime Prevention. Tahniah kepada Vanessa Grace a/p P Richard kerana telah memenangi tempat kedua dan Deveen a/l Gopinathan memperoleh saguhati. Kedua-dua pelajar tersebut merupakan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Politeknik Nilai.



Kedua-dua pelajar tersebut merupakan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Politeknik Nilai. Pada masa yang sama PUSPANITA Politeknik Nilai turut bersama-sama menyertai program tersebut dengan membuka booth pameran dan jualan.



MAJLIS SAMBUTAN HARI INTEGRITI NASIONAL PERINGKAT KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT) TAHUN 2023

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Unit Integriti telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Integriti Nasional Peringkat KPT tahun 2023. Perkara ini juga selaras dengan hala tuju baharu pihak Pengurusan Tertinggi KPT yang komited dalam meningkatkan pembudayaan integriti serta menurunkan taraf risiko rasuah di peringkat Kementerian, Jabatan, Agensi serta Institusi Pendidikan Tinggi di bawah KPT.



PROGRAM DISKUSI PERPADUAN: CHIT CHAT BELIA 2023

"MENUJU KEGEMILANGAN (TOWARDS GLORY)"

PERINGKAT NEGERI SEMBILAN

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Negeri Sembilan dengan kerjasama Sekretariat Rukun Negara (SRN) Politeknik Nilai telah menganjurkan Program Diskusi Perpaduan: Chit Chat Belia 2023 "Menuju Kegemilangan (Towards Glory)" Peringkat Negeri Sembilan.



PROGRAM SHARING SESSION: FERMENTATION

Satu Program Sharing Session: Fermentation telah diadakan di Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri (JAB). Penceramah program adalah Encik Is Aizat bin Samsuri telah menerangkan proses fermentasi dan aplikasi biopemprosesan di dalam penghasilan produk biochar dengan menggunakan kaedah pyrolysis.



BENGKEL SEMAKAN DAN KESAHAN ITEM PEPERIKSAAN AKHIR



Bengkel Semakan dan Kesahan Item Peperiksaan Akhir bagi program Diploma Bioteknologi (DBT), Diploma Hortikultur Landskap (DLH) dan Diploma Sistem Maklumat Perniagaan (DBS) Sesi I 2023/2024



PROGRAM PENSYARAH PELAWAT INDUSTRI (PPI) PROGRAM DLS: *EMERGING TRENDS IN LOGISTICS AND SUPPLY CHAIN* "GREET & MEET SESSION WITH PRESIDENT CILTM"



Program Diploma Pengurusan Logistik & Rantaian Bekalan (DLS) telah menganjurkan program Emerging Trends in Logistics & Supply Chain bagi memenuhi KPI jam bagi program pensyarah pelawat industri (PPI). Prof Ts. Dr. Muhammad Zaly Shah FCILT, President CILTM yang baru sahaja dilantik pada 8 Oktober 2023 lalu telah dijemput di dalam satu sesi pertemuan bersama semua pelajar DLS Politeknik Nilai. Penglibatan pensyarah dan pelajar DLS dalam program ini membolehkan mereka mengaitkan ilmu yang diperolehi dari bilik kuliah dengan memberi gambaran dan idea dalam situasi sebenar di industri.



LAWATAN AKADEMIK DYL30042 *TURF MANAGEMENT* KE UPM SATIRI TURF LAB

Pelajar DLH3A dan DLH3B dari Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri telah mengikuti lawatan ini. Lawatan ini bertujuan:

- Memberi pendedahan kepada para pelajar tentang pengurusan rumput turf di padang golf.
- Mengenal pasti spesies-spesies rumput turf Malaysia
- Memenuhi keperluan kursus bagi menjawab soalan penilaian berterusan
- Mewujudkan sesi perkongsian ilmu antara pihak industri dan peserta program



PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT PETRONAS GRAND PRIX OF MALAYSIA 2023

PETRONAS Grand Prix of Malaysia 2023 telah berlangsung pada 10 - 12 November 2023 (Jumaat - Ahad). Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah menjemput sukarelawan untuk membantu tugas-tugas protokol di K1 Grandstand Sepang International Circuit (SIC), Sepang sempena program tersebut. seramai 9 orang pelajar Politeknik Nilai telah sama-sama membantu melancarkan program tersebut.



PRS PNS @ BENGKEL INDUKSI SOVEREIGN AFFINITY



Pembimbing Rakan Siswa (PRS) Politeknik Nilai telah menjayakan Program Bengkel Induksi Sovereign Affinity Pembimbing Rakan Siswa (PRS) Politeknik Nilai. Program ini bertujuan membimbing ahli baharu erti sebenar menjadi seorang anggota PRS dengan lebih mendalam. Di samping itu, Bengkel Induksi Sovereign Affinity ini merapatkan silaturrahim antara anggota PRS untuk bekerjasama dalam satu kumpulan.



PROGRAM LAWATAN AKADEMIK KE DECATHLON SHAH ALAM

Program Lawatan Akademik ke Decathlon Shah Alam dianjurkan oleh pelajar Diploma in Retail (DRM) semester 5 bagi Kursus DPR50093 Retail Security. Taklimat telah disampaikan oleh Pn. Nabihah binti Malik dan Pn. Ernie Hairuliza, Safety Manager Decathlon Malaysia dan En. Siddiq bin Mat Dris, Store Operation Manager Decathlon Shah Alam. Taklimat yang disampaikan selama 3 jam itu telah memberi banyak input baru kepada pelajar terutama berkaitan dengan keselamatan pekerja, pelanggan dan juga barangan jualan serta kesan kepada perniagaan runcit.



SEMINAR STEP IN EXPORT AND IMPORT PREPARATION IN INTERNATIONAL TRADE

Seminar ini telah diadakan di Makmal Simulasi, Jabatan Perdagangan dan dirasmikan oleh Puan Isrulhasrita binti Ismail, Ketua Jabatan Perdagangan. Seminar ini telah melibatkan seramai 53 orang pelajar DLS4 dan disampaikan oleh Dr. Barhanuddin bin Khalil, Pengarah/Instructor FB Training & Consultant.



SUCCESSFUL CAREER PATH + DIRECTION TGBS (TENAGA NASIONAL BERHAD)



Program yang berlangsung ini melibatkan sesi taklimat berkenaan Career path and Direction yang telah disampaikan oleh En. Mohd Rodzi bin Din (Senior Manager, Career Advancement Development), Interview Techniques oleh Cik Hani Suraiya binti Jamaluddin (Head, HRBP-TGBS) dan ceramah Ada apa dengan TNB? disampaikan oleh Pn. Rozilah binti Md. Sani (Senior manager, Employee Benefits Services-TGBS).

Program yang berlangsung selama 4 jam ini telah memberi input yang bermanfaat tentang Haluan Kerjaya Cemerlang kepada pelajar semester 5 Politeknik Nilai yang bakal menempuh alam pekerjaan.



KURSUS PSH KAD HIJAU CIDB

Kursus ini telah dihadiri oleh pelajar semester 5 dari Program DKM dan DEM Sesi i 2023/2024. Kursus ini penting bagi pelajar atas keperluan industri kejuruteraan dan sebagai langkah persediaan pelajar untuk menjalani latihan industri pada semester akan datang. Sesi Ceramah telah disampaikan oleh En. Mohd Rahman bin Selamat, penceramah berpengalaman yang bertauliah oleh CIDB. Menerusi kursus ini, pelajar dapat belajar mengenai aspek-aspek keselamatan di tempat kerja dan peraturan yang wajib dipatuhi berkaitan keselamatan serta akibat yang boleh berlaku sekiranya aspek keselamatan diabaikan.



PROGRAM GIRL'S TALK: #BLEEDWITHHYGIENE

Syarikat ELTEAN Incorporated Sdn Bhd telah mengadakan sesi perkongsian tentang penjagaan kesihatan bagi pelajar perempuan yang diadakan di Dewan Sri Putra, Politeknik Nilai. Program ini melibatkan pelajar perempuan semester 1



KEJOHANAN SILAT REMAJA KEBANGSAAN KALI KE-10 2023

Tahniah dan syabas kepada Muhammad Shahmy Baqier bin Zaidin pelajar program DLH, Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri (JAB) kerana telah memperolehi tempat **KETIGA** Peringkat Kebangsaan dan **JOHAN** bagi Acara Tempur Lelaki bawah 65kg. Kejohanan ini telah berlangsung di Kompleks Arena Sukan, Kuala Lumpur.





UNTUK MENDAPATKAN APA
YANG KAMU CINTAI,
KAMU HARUS TERLEBIH
DAHULU BERSABAR
DEBAGAN APA YANG KAMU
BENCI

Imam Ghazali

MAJLIS PELUNCURAN RANCANGAN HALA TUJU TRANSFORMASI POLITEKNIK (2023-2030)

Seramai 5 orang Pelajar Briged RELA Siswa Siswi (RELASIS) Politeknik Nilai telah bertugas di Majlis Peluncuran Rancangan Hala Tuju Transformasi Politeknik (2023 - 2030) yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Pelajar - pelajar tersebut merupakan pelajar RELASIS semester 2 dan 4. Tahniah kepada mereka kerana telah mengaplikasikan ilmu dan latihan yang dipelajari serta dapat menimba pengalaman dengan memberi perkhidmatan kepada negara



Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah mengadakan Majlis Peluncuran Rancangan Hala Tuju Transformasi Politeknik (2023 - 2030) di Putrajaya International Convention Centre (PICC). Politeknik Nilai telah hadir ke majlis tersebut dengan penyertaan seramai 25 orang pegawai dan 20 orang pelajar. Majlis telah dirasmikan oleh Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri, turut hadir Datuk Seri Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Pendidikan Tinggi.

MAJLIS PERASMIAN HARI PROFESION TEKNIKAL NEGARA (HPTN) PERINGKAT KEBANGSAAN



Kementerian Kerja Raya telah mengadakan Hari Profesion Teknikal Negara (HPTN) Peringkat Kebangsaan pada 4 - 5 Disember 2023. Seramai 5 orang pegawai daripada Politeknik Nilai telah hadir bagi menyokong dan memeriahkan Majlis Perasmian Hari Profesion Teknikal Negara (HPTN) Peringkat Kebangsaan di Dewan Damar Sari 1, Aras 3, Blok F8, Parcel F, Presint 1, Putrajaya. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia.



PROGRAM LIBAT URUS BERSAMA PELAJAR TAJAAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)

Satu program libat urus telah diadakan di Bilik Raflesia yang melibatkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bersama para pelajar tajaan mereka. Program libat urus ini membawa agenda untuk memberi penjelasan berkenaan perjanjian yang telah dimeterai, tanggungjawab pelajar sepanjang tempoh penajaan dan sesi soal jawab bagi menjawab semua persoalan yang dibangkitkan



SYABAS DAN TAHNIAH

Tahniah
UI GREENMETRIC WORLD
UNIVERSITY RANKING 2023

INSTITUSI	KEDUDUKAN
POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA	329
POLITEKNIK SEBERANG PERAI	385
POLITEKNIK MERSING	392
POLITEKNIK MUKAH	462
POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH	523
POLITEKNIK PORT DICKSON	529
POLITEKNIK JELI KELANTAN	555
KOLEJ KOMUNITI SELANDAR	569
KOLEJ KOMUNITI JERANTUT	625
KOLEJ KOMUNITI JASIN	634
POLITEKNIK BANTING SELANGOR	690
POLITEKNIK KUCHING SARAWAK	788
POLITEKNIK TUANKU SULTANAH BAHYAH	793
KOLEJ KOMUNITI SELAYANG	841
POLITEKNIK NILAI	893
KOLEJ KOMUNITI MASJID TANAH	898
POLITEKNIK SULTAN ABDUL HALIM MUADZAM SHAH	951
POLITEKNIK TUANKU SYED SIRAJUDDIN	976
KOLEJ KOMUNITI BUKIT BERUANG	1086
KOLEJ KOMUNITI SEGAMAT 2	1151

Politeknik Nilai telah menambah baik kedudukan dalam UI GreenMetric World University Ranking 2023 dari kedudukan ke-965 pada tahun 2022 kepada kedudukan ke-893 bagi tahun 2023. Tahniah diucapkan kepada semua warga Politeknik Nilai yang komited dalam usaha merealisasikan impian menjadikan Politeknik Nilai sebagai sebuah kampus hijau. Mari bersama-sama kita berganding bahu untuk melonjakkan lagi kedudukan pada tahun 2024 nanti

MAJLIS ANUGERAH KETUA JABATAN PERDAGANGAN TAHUN 2023 DAN TAKLIMAT PEPERIKSAAN AKHIR SESI I: 2023/2024

Majlis Anugerah Ketua Jabatan Perdagangan tahun 2023 telah diadakan di Dewan Sri Putra, Politeknik Nilai. Majlis ini telah meraikan seramai 118 orang penerima anugerah bagi Sesi I: 2022/2023 dan seramai 191 orang penerima bagi Sesi II: 2022/2023 daripada 4 program iaitu Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB), Diploma Pengurusan Logistik dan Rantai Bekalan (DLS), Diploma Pengurusan Peruncitan (DRM) dan Diploma Sistem Maklumat Perniagaan (DBS).



BENGKEL POST MORTEM DAN MAJLIS APRESIASI PETUGAS SURUHANJAYA PILIHAN RAYA (SPR) DI PEJABAT DUN N.20 LABU

Bahagian Pengurusan DUN N.20 Labu telah mengadakan Bengkel Post Mortem dan Majlis Apresiasi bagi petugas Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) di Dorsett Hotel, Putrajaya. Bengkel dan majlis ini melibatkan seramai 35 orang petugas Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) N.20 Labu. Tujuan bengkel dan majlis ini diadakan adalah bagi memastikan petugas - petugas Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) N.20 Labu diberi pendedahan berkaitan proses sebelum pengundian sehingga selesai dan ianya juga adalah sebagai platform untuk membincangkan isu - isu serta permasalahan seterusnya mencadangkan penyelesaian secara kreatif tanpa melanggar peraturan yang berkuat kuasa



PERTANDINGAN AGRO TECH SOLVE

Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) telah menyertai Pertandingan Agro Tech Solve dengan tema Innovate for Industry. Program ini dianjurkan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) melalui Nexus Produktiviti Agro-Makanan (AFPN) dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM).



MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN PELAJAR SEMESTER AKHIR (AKSeA) JABATAN PERDAGANGAN SESI I: 2023/2024

Suasana meriah dengan kehadiran pelajar dan pensyarah khususnya dalam kalangan warga Jabatan Perdagangan yang menghadiri Majlis Anugerah Kecemerlangan Pelajar Semester Akhir (AKSeA) di Kota Seriemas Golf and Country Club, Nilai.



Lebih istimewa, majlis yang berlangsung ini diserikan dengan kehadiran Pengarah Politeknik Nilai, Haji Wan Zulkifly bin Wan Zakaria yang turut merasmikan majlis berkenaan. Majlis ini merupakan acara tradisi Jabatan Perdagangan bagi meraikan 230 orang pelajar semester akhir program Diploma Sistem Maklumat Perniagaan (DBS), Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB), Diploma Pengurusan Logistik dan Rantaian Bekalan (DLS) dan Diploma Pengurusan Peruncitan (DRM).

PROGRAM CAKNA WARISAN: JOM KONAL ADAT BUDAYO NISMILAN

Program Cakna Warisan: 'Jom Konal Adat Budaya Nismilan' yang dianjurkan bersama Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am, Pusat Sumber Politeknik Nilai dan Lembaga Muzium Negeri Sembilan. Program yang diadakan selama 5 hari ini adalah untuk memperkenalkan dan memberi maklumat kepada warga Politeknik Nilai tentang Adat Budaya Negeri Sembilan yang dikenali sebagai Adat Papatih. Terdapat dua intipati di dalam program ini iaitu pameran yang diadakan di Pusat Sumber dan ceramah yang diadakan di dalam Dewan Kuliah Utama



KEJOHANAN 2ND LANGKAWI GOODWILL BOWL GAMES OPEN INTERNATIONAL FOR THE DISABLE 2023

Tahniah dan syabas buat pelajar Politeknik Nilai, Muhammad Danish Danial bin Hairi yang telah memenangi tempat **KETIGA** acara triples dalam Kejuhan 2nd Langkawi Goodwill Bowl Games Open International for The Disable 2023 di Kompleks Sukan LADA, Langkawi, Kedah



MAJLIS KONVOKESYEN DAN MAJLIS APRESIASI IFFAH@USIM 2023

Institut Fatwa dan Halal (IFFAH), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah menganjurkan majlis konvokesyen bagi meraikan seramai 14 orang pensyarah Politeknik Nilai yang telah berjaya menamatkan kursus Pensijilan Halal Eksekutif Program. Majlis ini diadakan di Albatross, Kota Seriemas Golf & Country Club, turut dihadiri oleh peserta Pensijilan Eksekutif Pengajian Industri Halal dan Pensijilan Jurusertu Profesional.



DELEGASI UNIVERSITAS TRISAKTI (USAkti), FAKULTAS EKONOMI & BISNIS, INDONESIA

Politeknik Nilai telah menerima kunjungan Delegasi dari Universitas Trisakti (USAkti), Fakultas Ekonomi & Bisnis (FEB) diketuai oleh Ibu Dr. Yolanda Dekan FEB bersama 14 orang pensyarah dan wakil pengurusan USAkti FEB.



Pada sesi lawatan ini, YBr. Tuan Haji Wan Zulkifly bin Wan Zakaria telah menzahirkan penghargaan atas kelestarian kolaborasi aktif USAkti FEB-PNS semenjak tahun 2017 hingga kini dalam pendidikan TVET khususnya. Variasi aktiviti berbentuk seminar penyelidikan, guest lecturer, pertukaran pelajar, sukarelawan, webinar dan lawatan balas telah berjaya merealisasikan hasrat terkandung dalam dokumentasi Agreed Minutes of Meeting (AMM) yang pernah ditandatangani oleh kedua-dua institusi.

PROGRAM INFAQ BUKU 555

Unit Kebajikan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama premis kafetaria Politeknik Nilai telah melaksanakan Program Infaq Buku 555. Program ini mensasarkan pelajar yang hanya mengambil nasi, kuah dan sayur sahaja. Pihak kafetaria akan memberi ikan/ayam kepada pelajar dan kos tersebut akan ditanggung oleh dana yang disalurkan oleh Pusat Islam Al - Kauthar. Semoga program ini dapat membantu sedikit sebanyak kesusahan pelajar yang terlibat.



BENGKEL PENYELARASAN TAKWIM AKTIVITI TAHUNAN POLITEKNIK NILAI 2024

Bengkel Penyelarasan Takwim Aktiviti Tahunan Politeknik Nilai 2024 telah diadakan di Bilik Kuliah 1, Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL) dan melibatkan 30 orang jawatankuasa dari pelbagai jabatan/pusat/unit. Antara agenda bengkel adalah Penyelarasan Aktiviti Tahunan Jabatan/Pusat/Unit.



TAHNIAH DAN SYABAS



Setinggi - tinggi tahniah diucapkan kepada Ts. Dr. Kamsidi @ Abd Malek bin Sidek di atas pelantikan sebagai Penasihat Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) 1 berkuat kuasa pada 1 Disember 2023. Semoga barisan MPP terus cemerlang di bawah pimpinan beliau.

Warga Politeknik Nilai merakamkan ucapan tahniah kepada Dr. Nur Farahin binti Daud, Pensyarah Jabatan Perdagangan di atas penganugerahan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Syariah dan Undang-Undang dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada 24 Mei 2023.



Setinggi-tinggi Tahniah diucapkan buat Dr. Nur Farahin binti Daud atas pelantikan sebagai Ahli Panel Penilai MQA dalam bidang Penguatkuasaan Undang-Undang dan Undang-Undang berkuat kuasa pada 1 November 2023 sehingga 31 Oktober 2026. Semoga terus cemerlang.

Warga Politeknik Nilai mengucapkan setinggi-tinggi TAHNIAH di atas pemangkuan ke Gred DH48 kepada 10 orang pensyarah. Semoga dengan pemangkuan ini, pelaksanaan tugas dilaksanakan dengan penuh dedikasi dan komited dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan



Warga Politeknik Nilai mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas atas pemangkuan ke Gred DH44. Semoga menjadi pendorong untuk terus menyumbang dalam perkhidmatan di Politeknik Nilai. Syabas diucapkan.

LANDSCAPE HORTICULTURE EXHIBITION SESI I : 2023/2024

Landscape Horticulture Exhibition Sesi I : 2023/2024 telah diadakan selama 2 hari yang melibatkan lebih kurang seramai 250 orang pelajar Diploma Hortikultur Landskap (DLH), Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri dari semester 1 - 4. Antara aktiviti utama bagi program ini adalah penilaian Portfolio bagi kursus seperti DYL10253 Landscape Graphic, DYL20032 Basic Landscape Design, DYL30083 Planting Design dan DYL40133 Landscape Site Design. Manakala penilaian Exhibition bagi kursus DYL40172 Photography turut diadakan. Pensyarah DLH juga telah dilantik sebagai panel penilai bagi melihat hasil kerja pelajar sepanjang semester Sesi I : 2023/2024.



MAJLIS APRESIASI MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) SESI 2023/2024

Majlis Apresiasi Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 2023/2024 telah diadakan di Dewan Kuliah Utama dan dirasmikan oleh Tuan Pengarah, Haji Wan Zulkifly bin Wan Zakaria turut hadir En. Mohd Khairulhazlan bin Mohamed Zam, Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Pn. Hajah Norfazila binti Ahmad, Penasihat 2 Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 2023/2024. Majlis turut menyaksikan penyerahan sijil penghargaan kepada MPP serta meraikan MPP semester 5 yang akan menjalani Latihan Industri mulai 29 Januari 2024.



KEM CUTI SEKOLAH

Koperasi Politeknik Nilai (Taska) bersama PUSPANITA Politeknik Nilai telah menganjurkan Kem Cuti Sekolah khususnya kepada anak-anak staf Politeknik Nilai. Program kali ini bertemakan "Kami Pencinta Al-Quran" di mana sepanjang program peserta akan didedahkan dengan membaca, menghafal dan memahami Al-Quran (mengikut kategori). Selain itu, melalui program ini juga peserta dapat menambah pengetahuan dan kemahiran sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu untuk melahirkan insan yang menyeluruh dan bersepadu dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Selain daripada aktiviti LDK, peserta juga dibawa melawat ke Petrosains dengan menaiki MRT.



PROGRAM LUKIS HAFAL SURAH AL-ALAQ

Program Lukis Hafal Surah Al-Alaq ini telah berlangsung sempena Kem Cuti Sekolah di mana peserta-peserta dibimbing untuk memahami isi kandungan setiap ayat supaya bila kita melakukan sesuatu, kita faham apa yang Allah perintahkan. Sebenarnya misi utamanya adalah mengajak kepada menyembah kepada Allah SWT, Tuhan yang telah mengurniakan nikmat mencipta dan memberi ilmu kepada manusia. Program ini telah disampaikan oleh Ustaz Kartun iaitu Jarulatih Kartungogi.



SUMBANGAN BAHAN BACAAN

Politeknik Nilai telah menerima sumbangan wakaf buku bertajuk 'Raudhatus Salatin' sebanyak 10 naskhah. Serahan tersebut telah dibuat di ruang legar pentadbiran dan diwakili oleh Pn. Norfazila binti Ahmad, Ketua Unit Komunikasi dan Perhubungan Korporat (UKK). Buku ini telah diserahkan kepada Pusat Sumber sebagai bahan bacaan kepada warga Politeknik Nilai. Buku-buku ini telah diwaqafkan oleh Syarikat Alami.



INTERNATIONAL JOIN EFFORT SEMINAR PROGRAMME ON LOGISTICS AND SUPPLY CHAIN STUDIES IN CONJUNCTION WITH INTERNATIONAL COMPETITION IN LOGISTICS AND SUPPLY CHAIN INNOVATION 2023

Program ini telah diadakan secara dalam talian menggunakan platform Zoom Meeting. Politeknik Nilai telah mendapat jemputan daripada rakan kolaborasinya iaitu Universitas Logistik Bisnes Internasional (ULBI) untuk mengadakan mini seminar antarabangsa bersama. Platform ini merupakan kali kedua diadakan di mana ia memberi peluang kepada para pelajar dan pensyarah dari program DLS untuk membentangkan hasil projek inovasi mereka di Peringkat Antarabangsa.

